

Jilid III
Bil. 25



Hari Isnin
14hb Oktober, 1985

M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 4453]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 4454]

Cuti Y.B. Tuan Othman bin Abdul, Y.B. Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid, Y.B. Tuan Mutang Tagal, Y.B. Tan Sri Datin Paduka (Dr) Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani—Kebenaran [Ruangan 4455]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 4456]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 4495]

USUL:

Akta Prosedur Kewangan 1957—

Tambahan butiran: Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi [Ruangan 4496]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) [Ruangan 4497]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J. D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

- Yang Berhormat DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.M., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).

Yang Berhormat TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).

- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Salleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 14hb Oktober, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**PEMASYHURAN TUAN YANG
DI-PERTUA**

Memperkenankan Akta-akta

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu seperti berikut:

1. Akta Badan Berkanun Getah 1985;
2. Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) (Pindaan) 1985;
3. Akta Jalan Persekutuan (Pindaan) 1985;
4. Akta Perbekalan Tambahan (1985) 1985;
5. Akta Telekomunikasi (Pindaan) 1985;
6. Akta Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti) 1985;
7. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) (No. 2) 1985; dan
8. Akta Pencen (Pindaan) 1985.

Perutusan Daripada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan Persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“2hb Ogos, 1985

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985);
2. Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Badan Berkanun Getah;
4. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) (No. 2);
5. Rang Undang-undang Jalan Persekutuan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan);

7. Rang Undang-undang Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti); dan
8. Rang Undang-undang Pencen (Pindaan).

Yang ikhlas,

t. t
 YANG DI-PERTUA
 DEWAN NEGARA”

Cuti: Y.B. Tuan Othman bin Abdul, Y.B. Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid, Y.B. Tuan Mutang Tagal, Y.B. Tan Sri Datin Paduka (Dr) Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani—Kebenaran

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada:

1. Yang Berhormat Tuan Othman bin Abdul bagi Kawasan Ulu Muda dari 14hb Oktober, 1985 hingga 22hb November, 1985;
2. Yang Berhormat Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid bagi Kawasan Matang dari 14hb Oktober, 1985 hingga 6hb Disember, 1985;
3. Yang Berhormat Tuan Mutang Tagal bagi Kawasan Bukit Mas dari 14hb Oktober, 1985 hingga 6hb Disember, 1985; dan
4. Yang Berhormat Tan Sri Datin Paduka (Dr) Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani bagi Kawasan Kuala Langat dari 14hb Oktober, 1985 hingga 18hb Oktober, 1985.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

MISI PERDAGANGAN MALAYSIA KE EROPAH TIMUR

1. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sepanjang tahun 1985, beberapa misi perdagangan rasmi daripada Malaysia telah pergi ke Jerman Timur, Poland, Hungary, Russia, negara-negara Timur Tengah, Latin Amerika dan China, dan adakah defisit perdagangan telah berkurangan dan pelaburan asing di negara ini telah bertambah dan nyatakan peratusnya dan apakah peranan yang dimainkan oleh sektor swasta dalam mencari pasaran asing bagi barang-barang buatan Malaysia.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1985 Kementerian saya telah pun menghantar satu rombongan perdagangan melawat negara-negara Eropah Timur mulai dari 14hb September hingga 7hb Oktober yang lalu. Di antara negara-negara yang dilawati ialah Russia, Poland, Jerman Timur dan Yugoslavia.

Di samping itu juga pada bulan November ini, Kementerian saya akan menyertai di Pameran Perdagangan “Asia Pacific International Trade Fair” (ASPAT) di Beijing, Republik Rakyat China dan menghantar satu rombongan menjual ke Timur Tengah yang akan melawat negara Emiriyah Arab Bersatu, Oman, Kuwait dan Arab Saudi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga pada tahun ini Kementerian saya tidak menghantar rombongan perdagangan ke Latin Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya nyatakan di sini bahawa penghantaran rombongan adalah tidak harus dan tidak dapat dikaitkan secara terus menerus dengan soal defisit perdagangan. Ini adalah kerana sesuatu penerokaan pasaran itu dipengaruhi oleh berbagai-bagai faktor. Penghantaran rombongan merupakan satu usaha untuk menggalakkan eksport barang-barang keluaran Malaysia ke luar negeri. Di samping itu di mana terdapat masalah defisit perdagangan, penghantaran rombongan akan cuba untuk memperbaiki defisit yang terdapat.

Tiap-tiap rombongan tersebut adalah disertai oleh pihak-pihak swasta yang mengadakan perbincangan-perbincangan dengan pengimport-pengimport di negara-negara yang dilawati untuk mendapatkan pasaran tambahan bagi barangan keluaran Malaysia.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada rombongan-rombongan yang telah dihantar itu, adakah Kementerian mengambil tindakan-tindakan susulan untuk menentukan adakah rombongan yang telah diadakan itu berjaya ataupun tidak menarik pelabur-pelabur asing untuk datang ke negara kita?

Yang kedua, adakah terdapat perbezaan-perbezaan dari segi response negara-negara yang telah dikunjungi itu?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan satu, tiap-tiap rombongan yang hendak pergi adalah dikaji.

Soalan kedua, selepas lawatan rombongan-rombongan ini selalunya Kementerian saya ada, dengan izin, follow-up action.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin

tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan apakah hasil yang boleh kita banggakan daripada misi-misi yang kita lakukan khususnya ke Eropah dan adakah rekod di dalam Kementerian berkenaan yang menunjukkan bahawa misi-misi ini telah membawa hasil yang baik dari segi eksport barangan Malaysia?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, rombongan perdagangan ini adalah merupakan satu daripada rancangan galakan eksport yang dianjurkan oleh Kementerian dengan tujuan untuk meluaskan lagi pasaran bagi barang-barang Malaysia di luar negeri khususnya Russia, Poland, Republik Demokratik Jerman. Barang-barang yang digalakkan dalam rombongan ini adalah terdiri barang-barang seperti minyak kelapa sawit dan keluaran minyak kelapa sawit, koko dan bijih, dengan ini rombongan ini mesti memberi jawapan kepada negara ini.

PENDATANG HARAM INDONESIA

2. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan pendatang-pendatang haram Indonesia dan lain-lain yang telah ditahan oleh pihak polis dari 1hb Januari, 1985 hingga 30hb September, 1985;
- (b) bilangan pendatang-pendatang haram dan lain-lain yang telah diserahkan oleh pihak polis kepada Jabatan Imigresen untuk dihantar balik ke negara asal mereka bagi tempoh yang sama;
- (c) sama ada pihak polis telah menjalankan sebarang penyiasatan ke dalam aktiviti-aktiviti ahli-ahli politik tertentu, terutamanya dalam Negeri Johor yang telah mengeluarkan

surat-surat merekomen kerja-kerja untuk pendatang-pendatang haram Indonesia bagi "mengesahkan" kehadiran mereka dalam negeri ini, jika ya, berapa orang ahli politik telah kena siasat dan apakah tindakan yang diambil oleh pihak polis terhadap mereka yang terlibat; dan

- (d) adakah Kementerian berkenaan telah menjalankan sebarang penyiasatan ke atas tuntutan bahawa pendatang-pendatang haram telah diberi kad pengenalan dalam masa tiga hingga enam bulan selepas memasuki negara ini, jika ya, apakah hasil siasatan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) jumlah pendatang haram dari Indonesia dan negara-negara lain yang telah ditangkap oleh polis dari bulan Januari 1985 hingga bulan September, 1985 ialah seramai 5,204 orang.
- (b) dalam jangka masa yang sama seramai 4,724 orang pendatang haram dari semua negara yang terlibat telah dihantar balik ke negara asal masing-masing.
- (c) Kementerian Dalam Negeri sedang menyiasat perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu; dan
- (d) setakat ini Kementerian Dalam Negeri tidak membuat penyiasatan ke atas dakwaan bahawa pendatang haram diberi kad pengenalan dalam masa yang singkat oleh kerana Kementerian tidak menerima laporan mengenainya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa masa

memproseskan pendatang-pendatang haram yang ditangkap dan ditahan dalam lock-up polis itu kadangkala 3 bulan, dan adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengadakan satu cawangan khas di dalam imigresen untuk menguruskan pemerosesan untuk menghantar balik pendatang-pendatang haram yang ditangkap?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak Kementerian Dalam Negeri menyedari bahawa proses untuk menghantar balik, mengusir balik mereka yang ditangkap oleh pihak polis, imigresen dan lain-lain agensi mengambil masa sedikit. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Ahli Yang Berhormat yang lain pihak Kementerian telah pun mengkaji satu cara yang baru, yang akan meluaskan lagi tugas-tugas yang telah dipertugaskan pada Pasukan Petugas Ke 7 agar mereka boleh diberi tugas meliputi perkara-perkara yang berkait dengan pendatang haram daripada Indonesia dan juga daripada negara-negara yang lain, yang sekarang ini tidak di bawah jagaan mereka.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawabannya sebentar tadi menjelaskan bahawa lebih daripada 5,000 orang pendatang haram Indonesia telah ditangkap dan dalam proses dihantar balik. Saya ingin tahu adakah jumlah ini termasuk jumlah mereka yang ditangkap kerana terlibat dalam kejadian-kejadian jenayah atau jumlah yang ditangkap kerana kejadian jenayah itu lain angkanya dan kalau lain berapakah jumlah yang terlibat dalam kejadian jenayah yang telah ditangkap setakat ini?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengikut soalan asalnya ditanya tentang angka yang ditangkap oleh pihak polis, sebab itulah dalam jawapan saya, saya

menyebut bahawa pendatang haram yang ditangkap oleh pihak polis ialah hanya 5,204 orang, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat khususnya jika kita mengambilkira mereka yang ditangkap oleh agensi-agensi yang lain terutama sekali imigresen angkanya meningkat ke 17,312 orang iaitu dalam jangka masa yang sama, ini termasuklah mereka yang terlibat dalam kes-kes jenayah, sebab itulah mereka yang terlibat dalam kes jenayah perlu dihadapkan ke mahkamah dan ini mengambil masa yang panjang sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa angka 5,204 atau yang ditangkap oleh polis atau angka yang meningkat ke 17,000 kalau termasuk agensi-agensi yang lain seperti imigresen adalah satu angka yang tidak mendekat angka-angka mereka yang masuk secara haram ke negara kita dalam masa 9 bulan. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu Dewan ini apakah anggaran pihak Kerajaan, sehari berapa orang pendatang haram masuk ke Malaysia dan satu minggu mungkin sudah 5,000 atau 6,000 lebih? Bolehkah Kementerian berkenaan mengambil satu tindakan yang lebih serius untuk mengatasi masalah ini, seperti mengadakan undang-undang di mana mereka yang membantu, mereka yang memberi kerja, memberi perlindungan kepada pendatang-pendatang haram adalah membuat satu kesalahan yang akan dikenakan penjara? Ini adalah satu langkah yang boleh mengatasi masalah pendatang haram ini yang ada consequence begitu besar.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak menjadi dasar Kementerian Dalam Negeri untuk menyimpan maklumat-maklumat berkenaan dengan berapa orangkah pendatang haram yang tiba ke negara kita tiap-tiap hari. Walau

bagaimanapun sepertimana yang saya jelaskan angkanya begitu banyak iaitu 17,312 dan memanglah pihak Kementerian Dalam Negeri khususnya Kerajaan memandang serius tentang kemasukan pendatang-pendatang haram ke negara kita.

Sepertimana yang saya telah jelaskan tadi bahawa Pasukan ke 7 yang sekarang ini sedia ada yang ditugaskan untuk mengawal pendatang-pendatang haram daripada negara Vietnam akan diberi kuasa ataupun diberi mandat untuk menjalankan tugas mereka meliputi di kawasan-kawasan di mana terdapat banyak pendatang-pendatang haram khususnya daripada negara Indonesia. Pasukan Petugas 7 akan diberi tugas-tugas tambahan bersangkut-paut dengan perancangan dan untuk menyelaraskan langkah-langkah pencegahan kemasukan pendatang-pendatang haram dari kawasan perairan dan juga daripada kawasan-kawasan sempadan. Selain daripada itu mereka mungkin akan diberi tugas untuk menyelaraskan dan melaksanakan langkah-langkah untuk mengesan mereka yang telah pun berjaya memasuki negara kita dan juga mereka akan diberi tugas-tugas untuk diselaraskan langkah-langkah penghantaran mereka balik dengan secepat mungkin.

Pihak Kementerian percaya dengan kuasa yang lebih luas lagi yang akan diberikan kepada Pasukan Petugas 7, masalah pendatang haram bolehlah kita hadapi dengan lebih berkesan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada pasukan petugas yang telah ditubuh untuk mengenalpasti kawasan-kawasan di mana pendatang-pendatang haram ini dapat masuk ke

negara kita telah mengenalpasti kawasan-kawasan itu dan sekiranya telah dapat dibuat apakah tindakan yang dapat diambil untuk mencegah kemasukan ini?

Yang kedua ialah bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu tentang perbincangan yang diadakan baru-baru ini di antara Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dengan Menteri Dalam Negeri dari Indonesia mengenai masalah kemasukan pendatang haram dari Indonesia—apakah yang telah dibincangkan di antara kedua pihak itu?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tempat-tempat yang telah pun disahkan oleh Kerajaan sebagai pintu masuk kepada pendatang-pendatang haram, untuk makluman Yang Berhormat, memanglah kita telah pun mengenalpasti tempat-tempat itu dan Pasukan Petugas 7 yang saya sebutkan tadi akan diberi tugas-tugas untuk mengawal kemasukan pendatang haram ke negeri kita melalui tempat-tempat yang telah dikenalpasti. Bukan sahaja itu, kita akan menggerakkan juga kakitangan RELA untuk memberi sokongan dan kerjasama kepada Pasukan Petugas 7 agar mereka sebagai telinga dan mata kepada Kerajaan akan memberi maklumat-maklumat yang lebih tepat lagi dan pihak Polis dan Imigresen boleh bertindak dengan lebih cepat dan berkesan.

Saya percaya perkara-perkara yang dibincangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri yang juga Timbalan Perdana Menteri dengan Menteri Dalam Negeri Indonesia mungkin bersangkutan-paut dengan masalah pendatang haram.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA

3. **Tuan Ng Cheng Kuai** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah beliau akan menandatangani perjanjian dagangan dengan pemimpin-pemimpin Beijing sempena lawatan rasmi beliau ke Republik Rakyat China pada bulan November;
- (b) apakah perkara-perkara lain yang akan dibincangkan; dan
- (c) bilangan ahli rombongan lawatan beliau.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):

Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan November akan datang ke Negeri China, isu-isu ekonomi dijangka akan menjadi tumpuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam perbincangannya dengan pemimpin-pemimpin China. Isu ini mustahak memandangkan Malaysia sentiasa mengalami kekurangan perdagangan dengan China. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan berbincang cara-cara yang konkrit serta positif untuk membetulkan ketidak-seimbangan perdagangan dua hala dan pertukaran ekonomi. Dalam konteks ini perjanjian perdagangan akan dibincangkan sebagai salah satu cara untuk memperbaiki prestasi eksport kita ke China.

Walau bagaimanapun dua lawatan ini tidak semestinya tandatangan perjanjian dibuat.

Selain dari isu ekonomi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dijangka akan mengemukakan perkara politik dan sekali lagi menyatakan rasa kebimbangan kita terhadap sokongan China yang berterusan kepada Parti

Komunis Malaya dan unsur-unsur dasar luar China di mana ianya mempunyai potensi untuk menjejaskan keselamatan dan perpaduan negara. Antara isu-isu serantau, isu Kampuchea akan menjadi topik utama di dalam perbincangan kedua-dua pemimpin.

Berhubung dengan bilangan rombongan yang akan mengiringi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, perkara ini belum lagi ditetapkan buat masa ini.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai jurang ketidakseimbangan perdagangan yang telah disebutkan itu. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini apakah jurang dari segi angkanya bagi tahun sudah dan apakah punca-punca untuk ketidakseimbangan itu dan apakah langkah-langkah yang dicadangkan untuk mengurangkan jurang itu?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, angka-angka dan langkah-langkah merupakan soalan lain yang memerlukan notis.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dalam lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Rakyat China, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan membangkitkan dengan pihak Kerajaan Negeri China mengenai pembatalan sekatan-sekatan yang dikenakan kepada rakyat Malaysia untuk melawat Negeri China.

Kedua, adakah perkara untuk membatalkan AP yang dikenakan untuk mengimport barangan-barangan dari Negeri China akan dibangkitkan dan dibincangkan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat

dari Kota Melaka tadi merupakan pelaksanaan dasar kita dan dasar kita tidak semestinya disentuh dan dibawa oleh kita di dalam perbincangan melainkan barangkali sekiranya kita ditanya mengenai perkara-perkara yang disebutkan tadi.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada pihak Kerajaan telah menerima suatu permohonan untuk satu rombongan Parlimen DAP untuk melawat China juga oleh kerana tidak dapat terhad kepada pihak Kerajaan untuk melawat Negeri China sahaja dan jika dia telah menerimanya, apakah keputusan yang telah dibuat?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Negeri China telah membuka beberapa kawasan ekonomi baru untuk menjelang aktiviti-aktiviti ekonomi yang baru dengan joint venture. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertujuan untuk mengkaji kemungkinan menjelang joint venture itu supaya melabur wang dari Malaysia di dalam kawasan ekonomi baru itu? Terima kasih.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, kita telah menerima permohonan daripada kalangan ahli-ahli DAP untuk melawat dan kita akan memberi jawapan.

Yang kedua mengenai usaha bersama atau joint venture yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, ini bergantung kepada kes-kes tersebut. Kita tidak menentukan dasar semata-mata untuk melabur di sana oleh kerana pihak China telah membuka beberapa kawasan baru seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat. Di mana ia dapat memberi keuntungan kepada kita atas kes-kes yang tertentu sudah tentu kita akan menimbangkannya.

HARGA MINYAK PETROL/ DIESEL DI SARAWAK/ SABAH TINGGI

4. **Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, mengapakah harga minyak petrol dan diesel lebih tinggi harganya di Sarawak dan Sabah dari Semenanjung. Bolehkah Kementeriannya menyelaraskan harga minyak petrol dan diesel di Sarawak dan Sabah sepertimana dengan di Semenanjung supaya rakyat di dua buah negeri itu boleh membeli minyak tersebut, dengan harga yang sama dengan rakyat di Semenanjung.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa pada umumnya harga runcit barang-barang petroleum di Sabah dan Sarawak adalah berbeza sedikit daripada harga di Semenanjung Malaysia. Perbezaan harga ini bukan sahaja berlaku di antara tiga kawasan ini tetapi juga berlaku di antara bandar-bandar di dalam satu-satu kawasan. Misalnya, terdapat perbezaan harga antara Kuala Lumpur dan lain-lain bandar di Semenanjung, antara Kota Kinabalu dan lain-lain bandar di Sabah dan antara Kuching dan lain-lain bandar di Sarawak. Perbezaan-perbezaan harga ini adalah disebabkan perbezaan kos bagi mengangkut barang-barang petroleum ke "outlet-outlet" runcit daripada pusat-pusat bekalan.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa walaupun terdapat kilang-kilang penapis di negara kita, negara masih perlu mengimport barang-barang petroleum bagi memenuhi permintaan dalam negeri. Misalnya, walaupun terdapat tiga kilang penapis di Semenanjung, negara masih perlu mengimport sebahagian daripada keperluan dari luar negeri. Begitu juga bagi Sabah dan Sarawak, walaupun terdapat satu kilang penapis minyak di

Lutong tetapi sebahagian daripada keperluan di Sabah dan Sarawak perlu dibekalkan dari kilang-kilang penapis yang terletak di Semenanjung Malaysia dan diimport dari luar negeri. Umpamanya, bagi minyak tanah, kilang penapis di Lutong hanya dapat memenuhi kira-kira 18% daripada keperluan pasaran di Sabah. Bakinya terpaksa dibawa dari Semenanjung atau diimport dari luar negeri.

Namun demikian, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sentiasa berusaha dengan syarikat-syarikat minyak supaya memastikan bahawa kos-kos pengangkutan dan pengedaran ditetapkan pada paras yang berpatutan dan minima. Apabila didapati munasabah, Kementerian saya akan berusaha menetapkan harga yang sama bagi seluruh negara.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, menurut jawapan Yang Berhormat Mulia Menteri sebentar tadi, perbezaan harga minyak petrol dan barang-barang petroleum adalah berpunca sebahagian besarnya daripada kos pengangkutan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Mulia Menteri sama ada beliau sedar bahawa di Terengganu sekarang terdapat sebuah kilang penapis minyak tetapi pengguna-pengguna minyak petrol di kawasan Terengganu masih juga membayar harga petrol pada kadar lama sebelum ada kilang penapis minyak sekarang ini. Kalau beliau sedar, apakah beliau berhajat untuk membetulkan keadaan ini berunding dengan Petronas supaya pengguna-pengguna minyak di kawasan sekitar kilang penapis minyak itu tidak membayar harga kos pengangkutan yang sebenarnya tidak wujud.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, akan berlakulah perbezaan harga dan walaupun sudah ada satu kilang penapis minyak di Kerteh, Terengganu sudah tentu harga

itu terikat juga dengan apa yang ditetapkan menerusi formula mekanisme harga apabila kita menyamak harga barang-barang runcit petroleum. Walau bagaimanapun, semakan ini berjalan setiap tiga bulan sekali dan sekiranya difikirkan wajar perubahan dibuat maka akan dilakukan oleh pihak Kerajaan.

JEMAAH HAJI TAHUN 1405—BILANGAN

5. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah Jemaah Haji yang menunaikan fardhu Haji bagi tahun Hijrah 1405 melalui:

- (a) Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH);
- (b) Swasta tanpa penglibatan LUTH; dan
- (c) Swasta dengan penglibatan LUTH; dan

nyatakan perubahan-perubahan yang dapat dinikmati oleh Jemaah Haji Malaysia hasil daripada rundingan yang telah dilakukan antara Kerajaan Saudi Arabia dengan Malaysia.

(16-10-85)

14. Tuan Omar bin Abdullah minta Perdana Menteri menjelaskan sama ada langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki mutu khidmat sistem muasasah telah berhasil dan memuaskan hati jemaah haji yang menunaikan haji pada tahun ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Dato Syed Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Tampin pada 16-10-85 bersama-sama dengan soalan ini kerana meliputi perkara yang sama.

Jumlah Jemaah Haji yang telah menunaikan fardhu haji tahun 1405 hijrah adalah seperti berikut:

(a) melalui Tabung Haji	23.330 orang
(b) melalui Swasta tanpa penglibatan Tabung Haji	116 orang
(c) melalui Swasta dengan penglibatan Tabung Haji	969 orang
	<hr/> 24.415 orang

Sebagai langkah untuk memperbaiki mutu khidmat Sistem Muassasah, rundingan-rundingan telah diadakan di peringkat Kerajaan antara Malaysia dan Arab Saudi pada awal tahun ini. Alhamdulillah, hasil dari rundingan-rundingan tersebut, banyak perubahan telah dapat dinikmati oleh Jemaah Haji Malaysia. Bolehlah dikatakan bahawa urusan haji tahun ini sungguh memuaskan dan yang terbaik sekali sejak beberapa tahun yang lalu.

Antara perubahan-perubahan yang dinikmati oleh Jemaah-jemaah Haji Malaysia hasil daripada rundingan-rundingan tersebut ialah mengenai pembahagian maktab. Pada tahun ini Jemaah-jemaah Haji Malaysia telah dikhaskan kepada 10 maktab dan tidak bercampur dengan Jemaah-jemaah Haji negara-negara lain. Dengan itu masalah seperti perpecahan keluarga atau kumpulan sebagaimana yang berlaku pada tahun lalu tidak lagi berlaku pada tahun ini. Selain daripada itu, pada tahun ini rumah-rumah penginapan Jemaah-jemaah Haji adalah lebih selesa di mana kebanyakannya mempunyai hawa dingin serta bekalan air yang lebih memuaskan. Bersaingan dengan itu, pada tiap-tiap maktab Tabung Haji telah menempatkan pejabat cawangannya bagi memberi perkhidmatan langsung kepada Jemaah-jemaah Haji. Urusan di Arafah dan Mina juga telah berjalan dengan lebih baik walaupun terdapat beberapa masalah pengangkutan yang terbitnya dari kurangnya pengetahuan

beberapa orang daripada pemandu-pemandu bas mengenai jalan-jalan di Mina, ditambah pula oleh kerana keadaan kesesakan lalu lintas di kawasan itu. Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya kebajikan Jemaah Haji Malaysia pada tahun ini adalah lebih memuaskan daripada tahun-tahun yang lepas dan pihak Tabung Haji akan terus berusaha untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatannya kepada Jemaah-jemaah Haji di tahun hadapan dan tahun selanjutnya.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang kita akui bahawa Tabung Haji kita tahun ini mendapat perkhidmatan yang baik sedikit berbanding dengan tahun lepas daripada Tabung Haji dan semasa di Mekah. Tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar, sungguhpun begitu sebenarnya mengikut pengalaman saya terdapat masih ramai jemaah-jemaah kita yang menghadapi masalah dan ini bertentangan sedikit, oleh kerana terdapat Sheikh-sheikh Muassassah yang tidak memberikan perkhidmatan yang baik malah boleh dikatakan buruk kepada Jemaah-jemaah Haji. Dan dahulu dikatakan sistem Muassassah ini merupakan sistem percubaan. Jadi kalau pandangan Kerajaan bahawa sistem Muassassah ini sudah memberi puas hati sekarang, adakah bermakna bahawa sistem Muassassah ini akan diteruskan pada masa-masa yang akan datang dan sebarang perundingan nantinya menukar kepada sistem yang lain tidak akan dibuat dengan pihak Saudi Arabia. Ini bukan apa, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar bahawa ada setengah-setengah jemaah yang berpendapat sistem Muassassah ini boleh dianggap sebagai sistem pawah, Tuan Yang di-Pertua, yakni jemaah haji kita diuruskan oleh Tabung Haji, bila sampai di Tanah Suci diserahkan

seolah-olah dipawah kepada Muassassah ataupun Sheikh-sheikh di sana dan oleh kerana terdapat ramai Sheikh yang tidak memberi perkhidmatan yang baik, mereka masih lagi menghadapi masalah. Jadi, apakah hendak dirundingkan tindakan terhadap Sheikh-sheikh yang masih lagi belum memberi perkhidmatan yang baik kepada jemaah. Terima kasih.

Puan Shariffah Dorah binti Dato Syed Mohammed: Tuan Yang di-Pertua, memang ada segelintir, sangat kecil jumlahnya bilangan-bilangan maktab yang tidak dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan tetapi bagi Jemaah Haji Malaysia perkara itu telah berlaku hanya kepada maktab 29 sahaja, itu pun telah diatasi masalah-masalah yang mereka hadapi. Selain daripada itu kalau pada tahun lepas jumlah Jemaah Haji ditempatkan seramai 4,000 orang pada tahun ini adalah jumlah 2,000 orang dan saya berpendapat bahawa sistem Muassassah ini akan diteruskan lagi kerana pada pada masa ini boleh dikatakan semua Jemaah Haji adalah di bawah pengawasan Muassassah.

PENDATANG HARAM BELI KAD PENGENALAN BIRU

6. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) hasil siasatan Polis yang dijalankan setelah seorang pendatang haram Indonesia yang ditangkap di Lundu, Sarawak pada 30hb Ogos, 1985 mengakui telah membeli Kad Pengenalan Biru untuk \$500.00 dari seorang lelaki Melayu di Kuching; dan
- (b) sama ada bekas atau pegawai-pegawai sekarang Jabatan Pendaftaran Negara di Kuching bertanggungjawab menjual

Kad-kad Pengenalan Biru kepada pendatang-pendatang haram Indonesia.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penyiataan Polis menunjukkan bahawa seorang pendatang haram yang berasal dari sebuah negara asing telah mengaku bahawa beliau membeli kad pengenalan dari seorang lelaki tempatan yang tidak dikenali. Kad Pengenalan itu ialah kepunyaan orang lain yang telah diganti dengan gambar pendatang haram tersebut. Pendatang haram berkenaan telah didakwa di Mahkamah di bawah Seksyen 22 (1) (a) Peraturan Pendaftaran Negara, Sarawak 1981. Pada 4hb September, 1985 beliau telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak \$200.00 dan dendanya pun telah dibayar. Kerajaan juga telah mengusir keluar pendatang haram tersebut ke negara asalnya.
- (b) Penyiataan yang dijalankan oleh Kementerian Dalam Negeri tidak menunjukkan adanya pegawai Pendaftaran Negara yang terlibat dalam penjualan kad pengenalan biru kepada mana-mana pendatang haram Indonesia.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, kad pengenalan yang digunakan itu dipunyai oleh seorang yang telah meninggal dunia atau seorang yang masih ada dan adakah ini kes yang pertama yang berlaku dan kalau tidak, berapa serius kes yang semacam ini?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kad pengenalan tersebut adalah kepunyaan Jamaliah

binti Basri yang beralamat di Kampung Tembaga, Semantan, Lundu, Sarawak. Walau bagaimanapun apabila disiasat, usaha untuk menemui beliau tidak berhasil. Jadi, untuk menjawab, adakah beliau masih hidup ataupun telah meninggal dunia ataupun telah berpindah ke tempat lain, tidaklah boleh dijawab dengan tepatnya.

Bagi menjawab soalan yang kedua, adakah ini perkara yang pertama berlaku, jawabnya tidak. Tetapi tidak begitu banyak kes-kes yang serupa seperti ini yang berlaku khususnya di Sarawak.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin masalah pendatang haram dari negara asing tidak begitu mengugutkan seperti yang berlaku di Sabah dan negeri-negeri lain. Walau bagaimanapun saya ingin tahu, adakah benar bahawa bilangan pendatang haram yang masuk melalui pintu masuk di Melapok di Bahagian Kelima iaitu sempadan di antara Sabah dan Sarawak, bilangan pendatang haram itu kian bertambah, atau tidak benar. Jika ya, apakah langkah yang akan diambil untuk mengawal dan mengelakkan keadaan ini daripada menjadi lebih buruk, dan kedua saya ada maklumat-maklumat tertentu untuk menunjukkan orang-orang pendatang haram dari Indonesia yang telah membeli kad-kad pengenalan biru dan saya ingin mengemukakan maklumat itu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan bahawa siasatan akan diambil bukanlah untuk menyasat dan menuduh dan mendakwa pendatang haram sahaja tetapi sindiket, jika ada, yang ada di Sarawak yang bertanggungjawab kepada masalah itu.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama, tidak benar. Bagi menjawab soalan kedua, terima kasih.

HUKUMAN ATAS KES ROGOL

7. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kehakiman melantik sebuah jawatankuasa untuk mengkaji masalah rogol memandangkan kejadian-kejadian seumpama itu kian meningkat serta mempunyai kesan-kesan yang destruktif dari segi rohaniah, mental dan fizikal ke atas seorang wanita, serta menimbang untuk mengenakan hukuman yang lebih berat ke atas perogol dan hukuman yang lebih berat seumpama itu hendaklah termasuk hukuman kapital atau hukuman mati.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang, hukuman yang telah diperuntukkan di bawah Seksyen 376 Kanun Kesiksaan bagi sabitan kes rogol adalah berat dan memadai. Oleh itu pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa bagi mengkaji masalah rogol.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun hukuman sekarang ada pandangan dia berat tetapi kalau berat, apa sebab ada banyak kes-kes tiap-tiap hari ada di negara kita? Dan lagi saya pun ada berkata di sini, seorang wanita kalau dia kena rogol, sudah kena macam psychological murder, serupa dengan orang yang kena assassinated daripada orang lain dan kalau orang yang ada itu drug addict, kalau ada hukuman mati untuk pengedar dadah, serupalah dengan orang yang merogol wanita-wanita khasnya wanita yang baik yang ada moral, saya ingat orang yang rogol mesti mendapat hukuman capital punishment.

Tuan Yang di-Pertua: Minta hukum bunuh juga? (*Ketawa*).

Dr Chen Man Hin: Ya.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, memang ada sebab-sebabnya mengapa terdapat kes-kes rogol yang berlaku di negara kita ini. Dewan yang mulia ini telah pun diberitahu, kalau tidak salah saya di masa persidangan yang lalu khususnya oleh Menteri Dalam Negeri sehinggalah butir-butir telah diberikan.

Mengenai dengan perkara ini, saya tidaklah ingin mengulangi butir-butir itu tetapi kes-kes rogol itu berlaku bukan sahaja ada orang yang bertingkah laku seperti itu akan tetapi bukan kerana dia menjadi seorang drug addict, dengan izin, penagih dadah, kerana kalau dia penagih dadah, ada undang-undang yang akan dikenakan ke atas seseorang penagih dadah. Antara lain sebab-sebabnya yang boleh disebut mengapa kejadian rogol itu berlaku ialah kadangkala kejadian itu tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa atau pihak Polis atas sebab-sebab malu dan sebagainya, ataupun sebab-sebab tertentu tidak melaporkan dan itu menyebabkan kejadian rogol itu "membiak", kalau saya boleh gunakan perkataan itu.

Pada masa sekarang mengikut Seksyen 376 Kanun Kesiksaan, seseorang yang disabitkan kesalahan merogol boleh dihukum penjara tidak lebih daripada 20 tahun dan juga boleh didenda atau disebat dan itu dianggap sebagai mencukupi pada ketika ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar bahawa NCWO (National Council of Women Organisation) telah mengemukakan satu resolusi yang memerlukan satu hukuman minima yang tidak ada di bawah undang-undang yang ada sekarang; hukuman

minima itu ialah lima sehingga tujuh tahun penjara dengan two stroke rotan, dengan izin. Jika sedar, adakah Yang Berhormat Menteri bertujuan untuk menimbangkan resolusi ini supaya meminda undang-undang berkenaan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mangsa-mangsa rogol tidak mahu melaporkan kes-kes mereka kepada Polis dan membawa kes-kes mereka kepada Mahkamah bukan sahaja mereka malu bagi mereka sendiri tetapi kerana pegawai-pegawai Kerajaan yang memproseskan aduan mereka kurang sensitif kepada keadaan mereka. Contohnya....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jangan bagi ucapan.

Tuan Sim Kwang Yang: Okay.

Tuan Yang di-Pertua: Minta buat pertanyaan.

Tuan Sim Kwang Yang: Boleh, terima kasih. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu jaminan supaya hanya kaum wanita, pegawai wanita boleh memproses dan mengendalikan aduan-aduan daripada mangsa-mangsa rogol itu?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, denda itu bagi setiap pesalah di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan ialah tidak lebih daripada 20 tahun, jadi yang dicadangkan oleh NCWO hukuman minimanya lima hingga tujuh tahun itu termasuklah di situ berpandu kepada keputusan Mahkamah mengenai dengan tiap-tiap kes.

Mengenai perkara yang kedua itu, saya tidak sedar yang pihak penyiasatan atau pihak Polis kurang sensitif.

Perlu diingati bahawa di bawah undang-undang pada masa ini ianya menentukan bahawa penyiasatan itu tidak memerlukan kenyataan daripada pengadu dalam kes rogol yang perlu disokong ataupun, dengan izin, corroborated statement dibuat sebelum ianya boleh diterima oleh Mahkamah. Dalam erti kata yang lain mengikut sistem sekarang sama ada kenyataan pengadu boleh diterima atau tidak adalah berpandu kepada, dengan izin, rule of prudence.

POLARISASI KAUM— LANGKAH MENGHAPUSKAN

8. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan polarisasi kaum di negara ini dan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk menghapuskan klasifikasi rakyat kita kepada orang-orang Bumiputera dan bukan Bumiputera untuk menentukan bahawa rakyat Malaysia tanpa mengira kaum menikmati faedah yang sama demi untuk memastikan kewujudan perpaduan negara, jika tidak, mengapa.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana realiti negara Malaysia kita ialah masyarakatnya terdiri daripada berbagai keturunan dan agama dan prejudis-prejudis keturunan serta agama masing-masing maka polarisasi kaum di negara ini belum dapat dihapuskan sepenuhnya.

Apa yang boleh dilakukan ialah mengurangkan prejudis-prejudis tersebut supaya dengan itu polarisasi kaum dengan sendirinya akan berkurangan.

Usaha untuk mengatasi masalah polarisasi kaum di negara ini memerlukan beberapa strategi dan tindakan jangka panjang. Dalam hal ini Kerajaan berpendapat bahawa konsep

perseimbangan dan keadilan sosial dalam konteks masyarakat dan sejarah negara ini perlu dilaksanakan.

Berdasarkan konsep inilah beberapa peruntukan tertentu dalam Perlembagaan negara ini telah diadakan. Berdasarkan konsep ini juga beberapa dasar kerajaan telah atau sedang dilaksanakan.

Dasar Ekonomi Baru umpamanya adalah merupakan strategi jangka panjang yang komprehensif dan digubal dan dilaksanakan untuk mengatasi masalah polarisasi kaum dengan mengwujudkan perseimbangan dan keadilan sosial di kalangan masyarakat negara ini.

Selain daripada Dasar Ekonomi Baru, beberapa strategi tertentu juga sedang digubal atau sedang dilaksanakan oleh beberapa agensi Kerajaan seperti Kementerian Pelajaran melalui kurikulum-kurikulumnya dan lain-lain, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Penerangan.

Masalah-masalah perkauman harian pula dikesan dan dianalisa oleh Jabatan Perpaduan Negara untuk diatasi dan dibendung dengan program-program tertentu.

Klasifikasi rakyat negara ini kepada Bumiputera dan bukan Bumiputera adalah selaras dengan semangat Perlembagaan negara Malaysia kita. Klasifikasi ini bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan strategi dan dasar tertentu bagi mewujudkan perseimbangan dan keadilan sosial yang menjadi asas kepada perpaduan rakyat dan keutuhan negara ini. Maka dengan itu Kerajaan tidaklah bercadang untuk menghapuskan klasifikasi tersebut.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang

Berhormat Menteri. Pertama, saya hendak tahu sejauh manakah berlakunya polarisasi kaum di Sabah?

Yang kedua, adakah dengan terbentuknya kerajaan baru Sabah akan bertambah kuat polarisasi kaum di Sabah?

Soalan yang ketiga, adakah dengan kekalahan Parti Berjaya di Sabah dua hari yang lalu merupakan kerana polarisasi kaum seperti didakwa oleh Presiden Berjaya?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu lebih berbau politik daripada perkauman dari segi memperseimbangan masyarakat dan keadilan sosial seperti yang saya katakan tadi, dan jawapan saya memang tidak, oleh kerana di seluruh negara kita ini kita mempunyai berbagai kumpulan-kumpulan termasuklah pertubuhan-pertubuhan politik yang bercorak perkauman.

Jadi, kalaulah di Sabah itu yang ditanya, maka yang di Semenanjung boleh ditanya. Saya percaya kalau yang ditanya yang di Semenanjung jawapannya pun tidak.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama, adakah klasifikasi rakyat Malaysia kepada orang-orang Bumiputera dan non-Bumiputera satu klasifikasi yang mendapat sokongan oleh semua parti-parti komponen Barisan Nasional atau adalah satu klasifikasi yang dibuat oleh UMNO sahaja?

Yang kedua, adakah Kerajaan sedar bahawa untuk membendung dan membenters polarisasi kaum perlu menghapuskan klasifikasi rakyat kepada golongan-golongan yang boleh menyakitkan hati rakyat semacam golongan atau klasifikasi kaum pendatang dan kaum yang lain, yang oleh kerana khasnya pada sekarang semua rakyat Malaysia boleh kata 95% semua rakyat yang lahir di sini dan bukan lagi datang dari mana-mana?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan jawapan asal saya tadi iaitu penggunaan Bumiputera dan bukan Bumiputera ini telah ditentukan dari mula lagi Perlembagaan negara Malaysia kita digubal dan dikanun-kan dan digunakan; dan pemimpin-pemimpin kita semasa Perlembagaan itu dimaktubkan pada tahun 1957 dan kemudian pada tahun 1963 semasa kita membentuk Malaysia telah mempersetujui melalui Parlimen negara kita ini bahawasanya penggunaan seperti itu boleh membina negara dan boleh membantu untuk menyatu-padukan rakyat negara ini dan oleh yang demikian sepatutnya perkara ini tidak perlu dibangkitkan.

Yang kedua, usaha untuk membendung atau mengurangkan polarisasi kaum di kalangan rakyat telah pun saya jawab tadi sama ada penggunaan istilah orang pendatang dan sebagainya itu bermakna atau tidak, sebenarnya penggunaan istilah itu adalah bukan sahaja untuk sesuatu kaum, misal kata kaum Cina, akan tetapi siapa sahaja orang yang datang di negara ini sebagai pendatang sama ada dia dari utara, dari timur, selatan atau barat, kenalah dipanggil dia seorang orang pendatang kalau dia belum lagi menjadi warganegara atau duduk tetap di negara ini.

PERDAGANGAN MALAYSIA- JEPUN—IMBANGAN

9. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa perdagangan dengan Jepun masih lagi berat sebelah condong kepada Jepun dan kita ternyata semakin berganding kepada Jepun khasnya bagi bekalan barangan "intermediate" dan pelaburan sehingga Jepun adalah rakan perdagangan kita yang terbesar dan jika ya, apakah langkah-langkah yang

telah diambil untuk membetulkan ketidak-seimbangan ini dan sama ada pihak Jepun akan khasnya melonggarkan perlindungan perusahaan terhadap kita sebagaimana mereka telah pun terpaksa berbuat demikian oleh Amerika Syarikat yang lebih besar serta berpengaruh itu.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa sedar bahawa perdagangan dua hala di antara Malaysia dengan Jepun adalah sentiasa menguntungkan pihak Jepun. Walau bagaimanapun, dari segiimbangan perdagangan, Malaysia telah berjaya memperbaiki kedudukan ketidak-seimbangan perdagangan dengan negara tersebut.

Pada tahun 1983 defisit perdagangan berjumlah M\$1,316 juta dan telah turun pada tahun 1984 menjadi M\$80.8 juta. Bagi lima bulan pertama (Januari-Mei) 1985, Malaysia telah mencatatkan lebihan perdagangan dengan Jepun sebanyak M\$656.9 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sememangnya memerlukan barang-barang intermediate dan barang-barang pelaburan untuk projek perindustrian dan pembangunan. Negara Jepun adalah pembekal utama ke atas barang-barang tersebut kerana secara keseluruhannya ianya didapati lebih kompetitif dari segi harga dan kualiti.

Walaupun bagaimanapun, ini tidaklah bermakna bahawa negara ini terlalu bergantung ke atas barang-barang dari negara Jepun semata-mata kerana kita juga ada mengimport barang-barang yang sama dari negara-negara lain seperti Korea Selatan, Amerika Syarikat, United Kingdom, Republik Persekutuan Jerman dan sebagainya.

Di samping itu dalam usaha memperbaiki masalah ketidak-seimbangan perdagangan antara Malaysia dengan Jepun, pihak

Kerajaan telah dan akan melaksanakan beberapa langkah-langkah berikut:

- (a) Dengan menggalakkan eksport keluaran Malaysia terutamanya bagi barang-barang perkilangan. Langkah ini akan dijalankan melalui Pejabat Perdagangan Malaysia di Jepun serta penghantaran misi-misi perdagangan ke negara tersebut.
- (b) memperkenalkan serta menggalakkan eksport secara "countertrade". Ini dapat dilakukan ke atas syarikat-syarikat Jepun yang berjaya mendapat tender menjalankan projek-projek pembangunan di Malaysia; dan
- (c) menimbang untuk mendapatkan bekalan negara dari punca-punca lain yang cekap mengeluarkan barang-barang yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kelonggaran sekatan perdagangan, pihak Jepun telah mengumumkan pada bulan Julai 1985 di dalam "action programme" bagi pembukaan pasaran Jepun yang akan dilaksanakan selama 3 tahun, di mana di antara lain tarif import ke atas minyak kelapa sawit dari Malaysia sebanyak 3% akan dihapuskan. Walaupun pada asasnya langkah-langkah yang diumumkan oleh Kerajaan Jepun dalam pelaksanaan dasar pembukaan pasarannya dianggap tidak mencukupi dan tidak merangkumi beberapa barang-barang lain yang berkepentingan kepada Malaysia, namun ianya merupakan langkah yang positif ke arah pembukaan pasaran yang lebih meluas lagi di masa hadapan bagi barang-barang Malaysia. Malaysia akan terus berusaha mendesak Jepun supaya mengurangkan sebarang sekatan terhadap Malaysia dan meningkatkan pengimportannya dari Malaysia, terutama barang-barang perkilangan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ramai pemimpin-pemimpin negara Malaysia telah menggesa negara Jepun untuk membuka lebih banyak pasaran-pasaran untuk barang-barang buatan Malaysia sebagai salah satu cara untuk membetulkan ketidakseimbangan, saya hendak mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini apakah sambutan (response) yang telah diberi oleh negara Jepun tentang seruan yang dibuat oleh negara Malaysia kita?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini boleh dikatakan bahawa "response" itu amatlah memuaskan kerana walaupun banyak antara barang-barang sensitif belum lagi dapat memasuki pasaran Jepun oleh kerana sekatan seperti tariff dan sekatan non-tariff, tetapi banyak barang-barang kita telah pun dapat memasuki pasaran Jepun itu. Saya percaya bahawa dengan persidangan yang diadakan baru-baru ini dalam bulan Jun di antara Menteri-menteri Ekonomi ASEAN dengan Menteri-menteri Ekonomi Jepun, maka usaha akan dibuat dengan lebih luas lagi untuk menimbang supaya kemasukan barang-barang bukan sahaja dari Malaysia bahkan dari ASEAN akan dapat bertambah dengan banyaknya. Kita akan terus berusaha.

PENYELUDUPAN DAUN TEMBAKAU KERING

10. **Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah penyeludupan daun tembakau kering dari Thailand ke negara kita dan taksir kerugian cukai setakat ini. Dan sejauh mana pula ianya menjejaskan perusahaan tembakau dan penanam-penanamnya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa

ada berlaku penyeludupan daun tembakau ke negara ini, terutamanya semenjak awal tahun ini. Sebab utama berlakunya penyeludupan ini ialah kerana kekurangan bekalan daun tembakau tempatan, disebabkan oleh tanaman tembakau yang tidak begitu berhasil pada tahun lepas kerana hujan. Oleh sebab daun tembakau tidak mencukupi atau tidak dapat menampung keperluan pengilang-pengilang rokok, maka setakat ini penanam-penanam tembakau tidak terjejas dari keupayaan mereka menjual hasil tanaman mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu saya tidak dapat mengetahui jumlah sebenar daun tembakau yang diseludup ke negara ini kerana perbuatan penyeludupan seperti yang kita tahu adalah satu perbuatan yang salah di sisi undang-undang dan yang melakukan penyeludupan ini melakukan perkara ini secara sulit, secara tanpa diketahui oleh pihak berkuasa. Dengan itu juga kita tidak dapat mengetahui jumlah kerugian dari segi cukai akibat dari penyeludupan yang dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan tadi.

Seterusnya juga sukalah saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pihak kastam sentiasa membuat pengawasan yang rapi atas penyeludupan daun tembakau ini dan setakat ini pihak kastam telah berjaya merampas kira-kira 10,000 kilogram daun tembakau yang diseludup ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 18 adalah diberi di bawah ini).

DASAR PERDAGANGAN COUNTER-TRADE

11. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah kejayaan Kerajaan di dalam usaha untuk mendapatkan pertukaran luar menerusi dasar perdagangan timbalbalas atau "counter-trade", "counter-purchase", "compensation" dan "buy-back" di antara negara-negara terlibat, dan nyatakan negara-negara manakah dasar tersebut sedang berjalan serta nyatakan apakah ianya berjalan dengan memuaskan, dan jika tidak apakah usaha-usaha dan strategi Kerajaan seterusnya bagi mencapai kehendak dan matalamat sepenuhnya.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan perdagangan secara "counter-trade" telah bertambah dengan pesatnya, baik disektor awam mahupun disektor swasta. Terdapat bahawa hasil dan pengujudan polisi "counter-trade", pihak Kerajaan telah dapat mengurangkan pengeluaran tukaran wang asing ke luar negeri. Semenjak pelaksanaan polisi "counter-trade" mulai bulan Julai, 1983, sebanyak dua belas tender-tender Kerajaan telah dikaitkan dengan syarat "counter-trade" yang berjumlah M\$336.22 juta. Sementara di sektor swasta pula, urusan perdagangan secara "counter-trade" adalah M\$28.4 juta import dan M\$349.1 juta eksport.

Pencapaian di dalam pelaksanaan dasar "counter-trade" sudah bertambah dengan pesatnya. Ini terbukti dengan bertambahnya nilai "counter-trade" di sektor awam dari M\$57.34 juta pada tahun 1984 kepada M\$336.22 juta pada akhir bulan September, 1985. Ini tidak termasuk sebelas tender yang dikenakan syarat "counter-trade" di mana penender yang berjaya telah dikenalpasti dan di

dalam proses perundingan mengenai jenis barang-barang untuk dieksport. Nilai "counter-trade" yang akan dikenakan ialah M\$523.6 juta, iaitu merangkumi nilai kandungan asing bagi tender-tender berkenaan. Sementara bagi sektor swasta pula, terdapat penglibatan yang lebih menggalakkan. Ini disebabkan bahawa pihak swasta sudah mula memahami mekanisma perdagangan secara "counter-trade" ini serta rasional pengujudannya dan mendapati bahawa cara "counter-trade" merupakan satu alternatif yang sesuai bagi mereka untuk meningkatkan urusan perdagangan dengan pasaran-pasaran baru di luar negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negara-negara yang sedang dan akan terlibat dalam perdagangan secara "counter-trade" dengan negara kita setakat ini terdiri dari Korea Selatan, Yugoslavia, Poland, German Barat, Perancis, Belgium, Jepun, United Kingdom, Jordan, Amerika Syarikat, Brazil, Rumania, Filipina dan Sweden.

Sehubungan dengan ini, Kerajaan akan terus berusaha untuk mempertingkatkan lagi perlaksanaan perdagangan secara "counter-trade" bagi kedua-dua sektor awam dan swasta. Beberapa usaha telah dan sedang dijalankan seperti mengadakan Bengkel, dialog dengan Kementerian-kementerian, Badan-badan Berkanun dan syarikat-syarikat Kerajaan dan swasta dan juga dengan bank-bank tempatan dari masa ke semasa, di samping mengeluarkan risalah-risalah yang memberi jawapan dengan sendirinya mengenai perkara ini termasuk penyediaan contoh-contoh perjanjian "counter-trade". Di samping itu, Kementerian saya juga menyimpan daftar syarikat-syarikat tempatan dan asing yang berminat di dalam "counter-trade" bagi terutamanya membuat "match-making"; dan membantu sektor swasta

melaksanakan perdagangan secara ini. Di sektor Awam pula, Kementerian saya bertanggungjawab bagi merundingkan perjanjian "counter-trade" bagi pihak Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan.

PENYERTAAN BELIA MENERUSI DASAR PANDANG KE TIMUR

12. Tuan Haji Seroji bin Haron minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana penglibatan dan penyertaan Belia serta kejayaan yang tercapai menerusi Dasar Pandang ke Timur.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Adalah menjadi dasar Kerajaan mengutamakan penglibatan dan penyertaan belia-belie Malaysia untuk menyertai program-program latihan di bawah Dasar Pandang ke Timur. Di antara program-program itu ialah:

- (i) Latihan Perindustrian dan Teknikal;
- (ii) Pengajian Akademik dan Teknikal.

Sehingga ini seramai 1,410 orang peserta telah pun dihantar menyertai program-program di atas bagi tempoh 1982 hingga Jun, 1985.

Selaras dengan Dasar Pandang ke Timur, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah melaksanakan beberapa program/projek yang berikut:

- (1) Dalam bidang latihan, kita telah mendapat kerjasama dengan pihak OISCA-International Jepun untuk belia.
- (2) Kerajaan telah pun menghantar tenaga pengajar dari Pusat Latihan Belia untuk mengikuti kursus di negara Jepun dan Korea semenjak tahun 1983.
- (3) Di bawah Rancangan Pertukaran Belia dengan Jepun yang telah bermula dari tahun

1976, seramai 10 orang pemimpin belia telah dihantar pada tiap-tiap tahun untuk menyertai rancangan ini.

- (4) Kita juga mengadakan pertukaran pemimpin-pemimpin belia dengan negara Korea. Seramai 10 orang pemimpin-pemimpin belia menyertai rancangan ini tiap-tiap tahun.
- (5) Di bawah Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara yang melibatkan peserta-peserta dari negara-negara Asean dan Jepun, Malaysia telah menghantar seramai 30 orang pemimpin belia pada tiap-tiap tahun semenjak tahun 1974.
- (6) Sebuah badan seni Khat yang bernama "Nihon Shuji Educational Federation"; Jepun yang diketuai oleh seorang dermawan, Encik Kampe Harada telah berjanji untuk memberi sumbangan sebanyak lebih kurang \$10 juta untuk membina Pusat Belia Antarabangsa di Kuala Lumpur. Sumbangan ini adalah berikutan dari hubungan kita dengan Jepun.

Daripada maklumbalas yang telah diterima daripada peserta-peserta, menunjukkan program Dasar Pandang ke Timur ini telah mendatangkan kejayaan khususnya dari segi mencontohi etika-etika kerja yang positif daripada orang-orang Jepun dan Korea. Di samping itu peserta-peserta juga telah dapat mempelajari teknologi-teknologi baru yang digunakan di negara tersebut untuk diamalkan di negara ini.

BORANG PENAMAAN CALON PILIHANRAYA

13. Wan Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang menyemak kembali cara-cara pengisian borang

penamaan calon pilihanraya daripada yang ada sekarang kepada cara yang lebih mudah bagi memastikan tidak berlaku pembatalan kertas-kertas pencalonan mereka yang ingin bertanding dalam satu-satu pilihanraya.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob:

Untuk makluman Yang Berhormat, Peraturan-peraturan (Penjalanan Pilihanraya) 1981 sedang disemak semula oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Salah satu daripadanya ialah pindaan kepada borang penamaan calon yang mungkin akan dijadikan lebih ringkas dan mudah.

POLARISASI PERKAUMAN ANTARA PENUNTUT-PENUNTUT

14. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa polarisasi perkauman di antara penuntut-penuntut telah menjadi bertambah buruk dan jika ya, apakah langkah positif yang kerajaan akan ambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Ling Liong Sik): Polarisasi kaum adalah satu fenomena yang wujud di mana-mana, terutama dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia. Di Malaysia misalnya, polarisasi boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu "intra-polarisation" yang berlaku di dalam sesuatu kaum itu sendiri dan "inter-polarisation" yang berlaku di antara kaum yang berlainan.

Tidaklah menghairankan jika terdapat polarisasi kaum di kalangan penuntut-penuntut di negara kita. Walau bagaimanapun, polarisasi kaum di kalangan penuntut-penuntut kita tidaklah bertambah buruk seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Kementerian Pelajaran memang memberi perhatian kepada perkara ini dan sentiasa berusaha untuk mengurangkannya dengan mengadakan program-program melalui pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran tertentu seperti mata pelajaran Kewarganegaraan, Pendidikan Moral. Di samping itu aktiviti-aktiviti ko-kurikulum seperti kegiatan-kegiatan pasukan beruniform, sukan, permainan, kelab dan persatuan juga dijalankan dengan lebih giat lagi dan ini memberi peluang-peluang kepada penuntut-penuntut dari semua kaum untuk berinteraksi antara satu sama lain bagi memupuk perasaan saling mengerti serta persahabatan.

PENDATANG HARAM INDONESIA

15. Tuan Richard Dampeng anak Laki minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan pendatang-pendatang dari Indonesia yang masuk ke Negeri Sarawak dan negara kita setakat ini dan bilangannya yang:

- (a) telah didakwa di mahkamah dan dihantar balik ke Indonesia;
- (b) diberi kewarganegaraan Malaysia; dan
- (c) diberi Permit Kerja.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Bagi menjawab soalan ini, saya menetapkan bahawa tempoh yang diambil kira ialah dari bulan Januari 1983 hingga bulan September, 1985.

Dalam tempoh yang dimaksudkan itu, seramai 1,416 orang pendatang haram Indonesia telah memasuki negeri Sarawak dari jumlah 26,366 orang yang dikesan memasuki seluruh Malaysia.

36 orang pendatang haram Indonesia telah didakwa di Sarawak dan 1,288 orang telah diusir ke negara asal

mereka. Bagi seluruh Malaysia, seramai 24,311 orang pendatang haram Indonesia dihantar balik ke negara mereka.

Tidak ada pendatang haram Indonesia yang diberikan taraf kewarganegaraan Malaysia.

Pendatang haram Indonesia tidak diberikan Pas Kerja oleh Kementerian Dalam Negeri.

PROGRAM SEKOLAH INTEGRASI

16. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan secara detil tentang rancangan sekolah-sekolah rendah berintegrasi yang telah mula dilaksanakan di beberapa sekolah sekarang; berapakah sekolah rendah (mengikut jenis) telah dipilih untuk percubaan rancangan ini dan adakah Kerajaan sedar bahawa pelaksanaan rancangan ini dengan tiba-tiba dan tergesa-gesa telah menimbulkan gelisah dan perasaan tidak senang di kalangan rakyat khususnya masyarakat keturunan Cina; jika sedar, apakah tindakan wajar telah diambil untuk membetulkan keadaan ini.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini serentak dengan soalan mengenai perkara yang sama, yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung.

Sebenarnya program sekolah integrasi belum lagi dilaksanakan. Kementerian Pelajaran bercadang hendak melaksanakannya secara percubaan pada tahun hadapan. Sekolah-sekolah yang dipilih untuk rancangan percubaan ini terdiri dari Sekolah Kebangsaan/Sekolah Rendak Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan jumlahnya yang dicadangkan ialah 61 buah.

Ibubapa tidak seharusnya merasa bimbang oleh kerana rancangan ini mempunyai tujuan yang murni iaitu untuk mengeratkan lagi perpaduan di kalangan pelajar-pelajar kita. Program percubaan ini menekankan penglibatan dan kerjasama sekolah-sekolah yang berkenaan dalam kegiatan ko-kurikulum sahaja dan tidak melibatkan mata pelajaran akademik. Sebenarnya aktiviti-aktiviti ko-kurikulum seperti sukan dan gotong-royong secara kelompok telah dijalankan bersama oleh setengah-setengah Sekolah Kebangsaan dan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil) secara sendiri. Konsep Sekolah Integrasi yang dicadangkan ini, antara lain, bertujuan untuk mengatur dan memperkemas amalan-amalan positif ini. Oleh itu sekolah integrasi ini bukanlah merupakan satu perkara baru.

Suka juga saya menyatakan di sini bahawa program yang akan dilaksanakan ini akan dirancang dengan teliti dan akan dilaksanakan secara teratur, bukannya secara tiba-tiba dan tergesa-gesa.

JAMBATAN PULAU PINANG— MENGHADIAHKAN

17. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (i) sama ada Kerajaan Persekutuan akan menawarkan Jambatan Pulau Pinang sebagai hadiah kepada Kerajaan Pulau Pinang; dan
- (ii) mengapa pembukaan rasmi Jambatan Pulau Pinang telah didahulukan dari 15-9-1985 ke 14-9-1985 seperti yang dijadualkan dahulu.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):

- (i) Kerajaan Persekutuan tiada cadangan untuk meng-

hadiahkan Jambatan Pulau Pinang kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

- (ii) Pembukaan Rasmi Jambatan Pulau Pinang kepada lalulintas yang telah dilakukan satu hari awal daripada yang telah dijadualkan itu adalah untuk memberi kehormatan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Musa Hitam untuk merasmikannya.

Tarikh 14hb September 1985 itu adalah dianggap sesuai kerana kebetulannya pada hari yang sama Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga ada beberapa tugas rasmi yang lain di Seberang Perai. Oleh itu, Upacara Perasmian itu kepada lalulintas telah dimasukkan sebagai salah satu perkara penting di dalam aturcara lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Negeri Pulau Pinang.

Kementerian ini berpendapat tarikh Perasmian Pembukaan Jambatan Pulau Pinang kepada lalulintas sehari lebih awal daripada tarikh asal adalah juga sesuai oleh kerana pada hari itu tol-tol bermula dikuatkuasakan ke atas kenderaan-kenderaan yang menggunakan Jambatan itu hingga akhir bulan Ogos 1985 yang mana kos pembinaannya telah menelan belanja berjumlah lebih kurang \$740 juta.

KERETA PROTON SAGA— KOS PENGELUARAN

18. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) berapa kos pengeluaran satu unit kereta Proton Saga.

Berapa harga dijual satu unit.
Berapa subsidi satu unit. Apa justifikasi subsidi ini.

- (ii) Berapa unit kereta Proton Saga telah dikeluarkan dan dipasarkan sehingga ini.

Datuk Dr James P. Ongkili:

- (i) Oleh kerana maklumat yang diminta adalah sulit Syarikat, kos pengeluaran dan juga harga yang dijual pada pengedar (Edaran Otomobil Nasional Sdn Bhd) tidak dapat diumumkan. Tidak ada subsidi yang diberikan dalam jualan kereta nasional.
- (ii) Pengeluaran adalah mengikut jadual yang dirancangan dan sehingga akhir tahun ini 8,050 kereta akan dikeluarkan. Penempahan untuk kereta Proton Saga adalah sangat menggalakkan. Memandangkan persaingan yang hebat dalam penjualan kereta, adalah tidak wajar bagi EON mengumumkan jumlah unit yang telah ditempah atau dijual.

**RANG
UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
ORANG-ORANG PAPA
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Orang-orang Papa 1977; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
(MEMPERBADANKAN) LEMBAGA
PEMULIHAN DAN PENYATUAN
TANAH NEGARA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
KEDAH DAN PULAU PINANG
(PENGUBAHAN SEMPADAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta di bawah Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan untuk mengubah sebahagian dari sempadan di antara Negeri Kedah dan Pulau Pinang; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

USUL

**AKTA PROSEDUR
KEWANGAN, 1957**

**TAMBAHAN BUTIRAN:
TABUNG MODAL PUSINGAN
JABATAN PEMBANGUNAN
KOPERASI**

3.37 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan seksyen kecil 4 (a) Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957, mengambil ketetapan bahawa Jadual Kedua

kepada Akta tersebut dipinda dengan menambahkan butiran baru seperti berikut:

Tabung Modal Pusingan
Jabatan Pembangunan Koperasi.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Tidak ada yang hendak berbahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah agi diputuskan. Masalahnya ialah usul ini dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan seksyen kecil 4 (a) Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957, mengambil ketetapan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut dipinda dengan menambahkan butiran baru seperti berikut:

Tabung Modal Pusingan Jabatan
Pembangunan Koperasi.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.39 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Kualiti Alam

Sekeliling tahun 1974 dan perkara-perkara berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, memandang penjelasan yang lengkap dan panjang lebar mengenai matlamat dan tujuan pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta ini telah pun diberi dalam Huraian pada Rang Undang-undang ini, saya sekadar ingin memberi penjelasan tambahan kepada beberapa Fasal yang penting sahaja.

Sejak Akta Kualiti Alam Sekeliling dikuatkuasakan mulai 1974, beberapa kelemahan dan loophole, dengan izin, telah dikenalpasti oleh Jabatan Alam Sekitar serta untuk mengemaskinikan Akta ibu selaras dengan keadaan semasa dan trend masa depan, maka pindaan-pindaan yang dicadangkan itu akan mengetatkan lagi Akta tersebut seperti, pertamanya di dalam Akta Ibu tidak ada peruntukan untuk mensyaratkan penilaian kesan-kesan kepada alam sekitar bagi projek-projek yang dilaksanakan di negara ini. Kajian penilaian kesan-kesan kepada alam sekitar adalah sangat perlu supaya mengelakkan terjadinya kesan-kesan yang buruk akibat daripada pelaksanaan sesuatu projek atau penempatan sesuatu kilang di kawasan-kawasan yang tertentu. Dengan adanya penilaian kesan-kesan kepada alam sekitar, suatu tempat yang lebih sesuai bagi pelaksanaan projek-projek akan dapat ditentukan dan kos pengawalan pencemaran akan dapat dikurangkan. Hanya projek-projek yang mungkin membawa kesan-kesan kepada alam sekitar disyaratkan untuk menjalankan kajian kesan-kesan kepada alam sekitar dan jenis-jenis projek-projek untuk kajian tersebut akan ditetapkan berasaskan nasihat dan syor Majlis Kualiti Alam Sekeliling.

Yang kedua, pindaan-pindaan kepada Akta Ibu akan memperuntukkan Jabatan Alam

Sekitar dengan kuasa-kuasa untuk menahan kenderaan bermotor. Kuasa-kuasa menahan ini adalah perlu oleh kerana pada masa kebelakangan Jabatan Alam Sekitar bergantung kepada pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan untuk menahan kenderaan-kenderaan bermotor bagi tujuan pemeriksaan pelepasan asap dan gas yang berlebihan. Amalan itu telah didapati tidak berapa berkesan kerana terdapatnya keadaan di mana pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan tidak dapat memperuntukkan anggota-anggotanya untuk menjalankan pemeriksaan itu. Walaupun adanya pindaan ini, pihak Jabatan Alam Sekitar akan terus bekerjasama dengan pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan sejauh mana yang boleh dari masa ke masa. Kuasa-kuasa yang diberikan di bawah pindaan ini adalah juga untuk membolehkan Jabatan Alam Sekitar menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan-kenderaan yang tidak bergerak atau, dengan izin, off road vehicles dan juga kenderaan-kenderaan di atas tanah-tanah persendirian seperti traktor dan jentolak di tapak-tapak pembinaan.

Yang ketiga, denda-denda maksima dan penalti yang dikenakan ke atas kesalahan di bawah Akta Ibu tidaklah menjadi pencegah atau, dengan izin, deterrent. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya denda-denda maksima itu digandakan untuk mencapai tujuan pencegah tersebut.

Keempat, pindaan kepada Akta Ibu juga memberi tafsiran "kenderaan" dan tafsiran ini termasuk kenderaan bermotor yang membawa sisa-sisa terjadual supaya pihak Jabatan Alam Sekitar dapat menguatkuasakan peraturan-peraturan yang tertentu.

Kelima, suatu tafsiran baru iaitu "Perairan Malaysia" telah dimasukkan ke dalam Akta ini oleh kerana seksyen 27 dan seksyen 29 Akta Ibu

mengandungi perkataan "Perairan Malaysia," tetapi tafsirannya tidak ada di dalam Akta Ibu tersebut.

Keenam, bilangan ahli Majlis Kualiti Alam Sekitar akan ditambah lagi dengan 7 orang ahli dan buat kali pertamanya pertubuhan bukan Kerajaan atau, dengan izin, non-governmental organizations yang mempunyai pengetahuan luas dalam perkara-perkara berhubung dengan alam sekeliling akan mengadakan 2 orang wakil di dalam Majlis tersebut. Adalah diakui bahawa perwakilan yang lebih luas ini, khususnya dari pertubuhan bukan Kerajaan, akan dapat memberi nasihat kepada Kerajaan supaya hal-hal alam sekitar diuruskan dengan lebih sempurna lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Kualiti Alam Sekeliling adalah berkait rapat dengan kualiti hidupan semua rakyat. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk menjaga kualiti alam sekeliling. Saya merayu kepada semua pihak sama ada pihak Kerajaan, pihak swasta dan individu untuk bekerjasama untuk menjaga keadaan alam sekeliling Malaysia. Jika kita tidak berbuat demikian, kesan-kesan buruk akan dihadapi oleh kita semua dan ia tentu akan merosakkan taraf dan kualiti kehidupan kita semua. Kita haruslah mengambil berat tanggungjawab kita untuk mewujudkan satu alam sekeliling yang bersih dan sempurna bukan untuk kita sahaja tetapi sebagai warisan kepada generasi akan datang. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini merupakan langkah-langkah ke arah mencapai matlamat tersebut dan saya berharap ia akan dapat sokongan dari semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta bagi meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.48 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyampaikan pandangan-pandangan saya terhadap Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1985 yang baru telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Pindaan-pindaan ke atas Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974 sebagaimana yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang Pindaan ini adalah satu langkah yang positif dan mencerminkan satu pembaikan kepada Akta asal. Bagaimanapun pindaan-pindaan ini masih belum memuaskan sepenuhnya dan pada anggapan saya boleh lagi diperbaiki ataupun di perelokkan.

Saya suka menekankan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tentang beberapa peruntukan dalam Rang Undang-undang ini yang perlu diperjelaskan oleh kerana orang ramai masih ragu-ragu mengenai kesan dari pindaan-pindaan ini.

Yang pertamanya saya suka merujuk kepada Majlis Kualiti Alam Sekeliling. Fasal 3 Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Seksyen 4 Akta induk untuk menambah perwakilan yang ada sekarang dalam Majlis Kualiti Alam Sekeliling daripada 9 anggota ke 16 anggota, sementara Fasal 4 pula bertujuan meminda Seksyen 7 (2) untuk menambah kuorum bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis daripada 5 ke 8 orang anggota.

Tuan Yang di-Pertua, komposisi anggota Majlis Kualiti Alam Sekeliling seperti yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang pindaan ini tidak mencerminkan perwakilan yang bermakna ataupun, dengan izin, meaningful representation oleh pertubuhan-pertubuhan alam sekeliling. Memandangkan bahawa komposisi anggota Majlis bertambah seramai 7 orang anggota lagi, saya suka mencadangkan supaya cadangan 2 anggota bagi mewakili pertubuhan-pertubuhan alam sekeliling seharusnya ditambah menjadi 4 orang dengan tujuan untuk memastikan keseimbangan yang adil mengenai kepentingan pihak industri swasta dan pertubuhan alam sekeliling. Buat masa ini ada 4 anggota yang mewakili industri-industri pihak swasta dan saya berpendapat bahawa sekiranya hanya ada 2 anggota untuk mewakili pertubuhan alam sekeliling adalah tidak mencukupi dan patutlah ditambah lagi 2 supaya dapat mengadakan keadaan yang seimbang.

Saya juga suka menegaskan di sini bahawa pertubuhan-pertubuhan alam sekeliling hendaklah dibenarkan membuat penamaan (nomination) mereka kepada Menteri yang berkenaan untuk berkhidmat dalam Majlis dan tidak seperti cadangan mengatur sebagaimana yang dijelaskan dalam Fasal 3 (1) (h) dan (j) di mana ada menyatakan di sini, dengan izin, saya quote:

“(h) dengan menggantikan noktah di akhir perenggan (i) dengan koma bertitik dan dengan menambah selepas perenggan itu perenggan yang berikut:

“(j) dua orang ahli yang dilantik oleh Menteri daripada antara pertubuhan-pertubuhan berdaftar yang mempunyai pengetahuan yang luas dan mempunyai kepentingan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan alam sekeliling”.

Tuan Yang di-Pertua, jika kedua-dua industri getah dan kelapa sawit dibenarkan membuat penamaan (nomination) untuk perlantikan oleh Yang Berhormat Menteri, saya tidak nampak kenapa pula pertubuhan-pertubuhan alam sekeliling tidak boleh berbuat demikian. Cadangan pindaan untuk 2 orang anggota yang hendak dilantik oleh Yang Berhormat Menteri dari kalangan pertubuhan yang berdaftar yang berpengetahuan dan berminat dalam hal ehwal alam sekeliling tidaklah sesuai kerana ianya terserah kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan untuk melantik sesiapa yang beliau hendak lantik untuk berkhidmat dalam Majlis dan sesuatu perlantikan itu barangkali tidak layak untuk mewakili pertubuhan alam sekeliling.

Saya berpendapat bahawa adalah lebih baik jika pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan membuat penamaan (nomination) supaya Yang Berhormat Menteri boleh memilihnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menegaskan di sini bahawa untuk membolehkan Majlis Kualiti Alam Sekeliling memainkan peranan yang berkesan dan bermakna dalam memenuhi cita-cita dan objektif-objektifnya maka adalah perlu mendapat penyertaan yang bermakna dan bukanlah hanya penyertaan token, dengan izin, oleh pertubuhan-pertubuhan alam sekeliling.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya suka menyentuh Fasal 13 Rang Undang-undang pindaan ini yang memperkenalkan satu seksyen baru iaitu Seksyen 34A yang menghendaki sesiapa yang bermaksud menjalankan apa-apa aktiviti yang ditetapkan mengemukakan satu laporan kepada Ketua Pengarah mengenai kesan kepada alam sekeliling akibat aktiviti itu. Ketua Pengarah hendaklah menyemak laporan yang disampaikan untuk perhatian beliau. Laporan itu hendaklah dikemukakan sebelum

kelulusan bagi pelaksanaan aktiviti itu diberikan oleh agensi-agensi Kerajaan yang relevant atau yang berkenaan. Seksyen itu juga menjelaskan maklumat yang perlu dinyatakan dalam laporan dan kuasa Ketua Pengarah untuk melulus atau tidak meluluskan sesuatu laporan.

Saya mengalu-alukan Seksyen 34A yang dimaksudkan menerusi Rang Undang-undang pindaan ini yang menjadikannya wajib untuk penilaian kesan alam sekeliling ataupun, dengan izin, environmental impact assessment dijalankan oleh sesiapa yang bermaksud, yang berhajat menjalankan apa-apa aktiviti yang memberi kesan ke atas alam sekeliling.

Yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya telah lama menyuarakan di dalam Dewan yang mulia ini supaya kajian penilaian kesan alam sekeliling dijalankan sebelum sesuatu projek atau aktiviti yang melibatkan alam sekeliling diluluskan oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan. Saya amat gembira kerana pada akhirnya ianya dikemukakan ke Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, setelah meneliti keseluruhan berbagai peruntukan dalam Seksyen 34A, saya merasa dukacita menyatakan di sini bahawa tidak ada disebut di mana-mana bahagian bahawa laporan mesti diumumkan kepada orang ramai untuk diulas ataupun untuk dikomen. Dalam kebanyakan negara di seluruh dunia, laporan kajian penilaian kesan alam sekeliling senantiasanya terbuka untuk semakan orang ramai untuk mendapat maklum-balas daripada orang ramai dan saya berpendapat bahawa berkenaan dengan Rang Undang-undang ini adalah perlu supaya apabila laporan telah siap dan disediakan hendaklah dibuka kepada orang ramai untuk membuat komen-komen terhadapnya.

Saya suka mencadangkan bahawa sebelum Ketua Pengarah Alam Sekeliling membuat keputusannya untuk melulus atau tidak melulus sesuatu laporan mengenai kajian penilaian kesan alam sekitar, beliau mestilah mengambil kira pandangan-pandangan dan teguran-teguran daripada orang ramai. Buah fikiran orang ramai mesti diutamakan sebelum Ketua Pengarah meluluskan laporan. Penyertaan orang ramai amat perlu, kalau tidak apa yang dilakukan hanya akan merupakan satu lagi tindakan birokratik.

Tuan Yang di-Pertua, berikutnya saya ingin mengulas sedikit mengenai Fasal 17 yang bertujuan memasukkan dua seksyen baru iaitu Seksyen 48A dan 48B. Seksyen 48A membuat peruntukan bagi pemberhentian, penahanan dan pemeriksaan mana-mana kenderaan, pengeluaran perintah-perintah larangan melarang penggunaan mana-mana kenderaan yang atau yang mungkin melanggar Akta ini.

Peruntukan seumpama ini telah lama ditunggu. Pada masa ini penguatkuasaan seumpama ini dijalankan hanya oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis Lalulintas. Pegawai-pegawai dari Jabatan Alam Sekeliling sehingga hari ini tidak dapat berbuat apa-apa tentang aspek ini. Bagaimana pun dengan kemasukan Seksyen baru 48A ini, pegawai-pegawai dari Jabatan Alam Sekeliling boleh memberhentikan, menahan dan memeriksa mana-mana kenderaan yang mencemarkan udara. Saya harap terdapat pegawai-pegawai yang cukup untuk menjalankan tugas ini kerana masalah pencemaran yang disebabkan oleh kenderaan-kenderaan awam yang terlalu banyak terutamanya bas-bas lama dalam Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, menurut satu kajian yang dijalankan oleh Persatuan Alam Sekeliling Malaysia dalam tahun 1984, menunjukkan bahawa 50% dari

bas-bas lama atau bas tua masih mengeluarkan asap hitam ini. Ini telah membuktikan bahawa tindakan Penguatkuasa yang telah diambil sehingga hari ini oleh pihak JPJ dan juga pihak Trafik Lalulintas tidak mencukupi untuk mencegah masalah ini. Walaupun saya mengalu-alukan bahawa pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekeliling akan dibekalkan kuasa-kuasa untuk memberhenti, menahan atau memeriksa mana-mana kenderaan yang menyebabkan pencemaran udara adalah penting.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa kuasa-kuasa ini tidak disalahgunakan dengan tujuan untuk mengekalkan penghormatan orang ramai terhadap apa-apa undang-undang yang Dewan ini akan meluluskan.

Berhubung dengan perkara pencemaran merin ataupun pencemaran oleh kapal-kapal, saya mendapati dari cadangan pindaan Rang Undang-undang ini, Kementerian berpendapat bahawa perkara ini lebih sesuai diurus di bawah undang-undang yang berkaitan dengan perkapalan perdagangan. Saya tidak dapat melihat lojik mengapa Kementerian melepaskan masalah pencemaran merin ataupun pencemaran oleh kapal-kapal dan kapal-kapal minyak yang berpunca dari kapal dan penapis minyak kepada undang-undang yang berkaitan dengan perkapalan perniagaan ataupun perkapalan jenis saudagar. Dengan peralihan kuasa dari Kementerian Alam Sekeliling dan dipindahkan kepada Kementerian Pengangkutan berhubung dengan kawalan pencemaran merin ini, saya hendak bertanya tidakkah ini bermakna bahawa Jabatan Alam Sekeliling langsung tidak dapat bergerak dengan berkesan ataupun tidak dapat bertindak dengan cara berkesan untuk mengatasi pencemaran dari kapal-kapal dan apabila pencemaran merin diletakkan di bawah Ordinan

Perkapalan jenis perniagaan, adakah Kerajaan boleh memberi satu jaminan bagi memastikan pencemaran merin ataupun pencemaran oleh kapal-kapal boleh diatasi dengan berkesan. Ambil sebagai satu contoh di sini, berkenaan dengan Selat Melaka yang telah disifatkan oleh bekas Menteri Alam Sekeliling sebagai yang telah tercemar. Dengan pindaan yang dicadangkan ini adakah Kerajaan berupaya memberi satu jaminan bahawa Selat Melaka boleh dibersihkan dengan cara yang lebih berkesan dan dengan cara yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya, saya suka menggesa Kementerian yang berkenaan supaya menimbang untuk menyemak semula jumlah denda yang dikenakan ke atas mereka yang sentiasa melanggar undang-undang ataupun yang melanggar Akta Kualiti Alam Sekeliling dengan tujuan untuk menjadikan satu halangan ataupun dengan izin, dalam bahasa Inggeris, to make it a deterrent kepada pesalah-pesalah. Di bawah Akta yang ada sekarang denda maksima untuk kesalahan pencemaran yang serius ialah hanya \$10,000 atau dipenjarakan tidak lebih 2 tahun atau kedua-dua sekali dan satu denda tambahan sebanyak \$1,000 setiap hari untuk kesalahan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak tanya di sini ialah apa ertinya \$10,000 yang datangnya dari seorang pengusaha yang besar yang membuat berjuta-juta ringgit keuntungan setahun, sedangkan pencemaran yang disebabkan oleh ataupun datangnya dari projeknya boleh membahayakan nyawa ratusan malah ribuan orang. Saya berpendapat bahawa masa telah tiba bagi pihak Kementerian, pihak Kerajaan untuk mengkaji semula tentang amaun atau jumlah denda maksima yang dikenakan sekarang dengan tujuan untuk menambah amaun denda ini. Tambahan pula

denda itu telah ditetapkan pada 11 tahun yang lalu iaitu apabila Akta asal ini diluluskan pada tahun 1974 dan memandangkan kepada faktor inflasi ini, saya berpendapat bahawa jumlah denda itu hendaklah dinaikkan supaya menjadi satu halangan kepada pengusaha-pengusaha besar yang melanggar Akta ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong.

4.10 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk turut membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Saya ingin, sebagai permulaan, merujuk kepada Fasal 3. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan pindaan ini yang bertujuan untuk menambahkan perwakilan Majlis Kualiti Alam Sekitar, khasnya perenggan (*h*) untuk melantik dua orang ahli untuk mewakili Pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai pengetahuan dan minat atas kepentingan dalam perkara-perkara yang berhubung dengan alam sekeliling.

Saya berpendapat bahawa langkah ini sangatlah dialu-alukan kerana biasanya Majlis ataupun Lembaga seumpama ini hanya mengandungi wakil-wakil iaitu pegawai-pegawai dari Kementerian-kementerian yang tertentu sahaja dan tidak termasuklah pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan ataupun NGOs, dengan izin.

Penglibatan dan penyertaan Pertubuhan-pertubuhan NGOs akan menguntungkan semua pihak, termasuk Kerajaan sendiri dan khasnya orang ramai kerana melalui penyertaan dan perundingan demokratik yang lebih meluas ini akan didapati pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan dari sudut-sudut yang berlainan. Maka proses ini sudah

tentunya akan menjadikan Majlis ini lebih berkesan dan juga menjamin bahawa segala keputusan Majlis ini akan mencerminkan kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap langkah yang positif seumpama ini akan menjadi teladan kepada Kementerian-kementerian yang lain atau menjadi satu teladan juga kepada Akta-akta dan Rang Undang-undang yang lain supaya penglibatan demokratik yang seluas-luasnya dapat digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju pada asasnya dengan pandangan positif daripada Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar supaya perwakilan dari pertubuhan-pertubuhan itu diperbesar. Kalau tidak silap saya beliau mencadangkan supaya bilangan itu dijadikan empat dan bukan dua. Pada pendapat saya ini adalah tepat kerana di negara kita sekarang terdapat sekurang-kurangnya empat buah ataupun empat jenis pertubuhan yang mempunyai minat dalam hal ehwal alam sekitar iaitu Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia ataupun dikenali sebagai EPSM (Environmental Protection Society of Malaysia). Satu lagi sahabat Alam Malaysia yang berada di Pulau Pinang yang pada kebetulannya saya sendiri adalah seorang ahli pengasas kepadanya. Satu lagi ialah Malaysian Nature Society, dengan izin, yang mewakili para akademik dan juga termasuk beberapa Pertubuhan/Pergerakan Pengguna (Consumers Movement) seperti FOMCA dan CAP.

Pertubuhan-pertubuhan ini sentiasa dan giat mengemukakan pandangan-pandangan dan kritikan-kritikan mereka terhadap isu-isu alam sekitar. Sungguhpun ada di antara kritikan-kritikan mereka ini yang mungkin dianggap oleh pihak tertentu sebagai terlalu tajam atau "melodramatic". dengan izin, tetapi pada pendapat saya

adalah lebih baik sekiranya tokoh-tokoh pergerakan alam sekitar (environmental movement) dan environmentalists disambut masuk ke dalam Majlis seumpama ini supaya mereka ini dapatlah memainkan peranan yang lebih membina secara langsung.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk juga kepada Fasal 13 iaitu pindaan di mana satu laporan penilaian kesan-kesan terhadap alam sekitar ataupun Environmental Impact Assessment (EIA) diperlukan untuk tiap-tiap projek ataupun kegiatan yang ditetapkan ataupun dengan izin "prescribed activities". Ini juga sangat dialu-alukan kerana sebenarnya keperluan ini sudah lama ditunggu-tunggukan. Cadangan utama ataupun cadangan asal untuk mengadakan EIA sebenarnya disebutkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga pada tahun 1976 iaitu hampir-hampir 10 tahun yang lalu.

Saya pun tidak faham kenapa Kerajaan mengambil masa yang begitu panjang untuk membuat pindaan ke atas Akta ini tetapi mungkin kerana Kerajaan merasa khawatir pelaksanaan EIA seumpama ini akan menambahkan kos sesuatu projek itu dan juga akan mendatangkan kesulitan-kesulitan yang tertentu terhadap pelabur-pelabur.

Oleh itu EIA ini akan dianggap sebagai rintangan oleh para pelabur, terutamanya pelabur-pelabur dari luar negeri. Tetapi pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun EIA mungkin akan mendatangkan kesulitan yang tertentu dan menambahkan kos sedikit tetapi EIA ini bukanlah faktor yang utama yang akan menggalakkan ataupun merintang para pelabur ke mari untuk melabur.

Faktor-faktor yang utama ialah sama ada sesuatu pengeluaran itu mempunyai pasaran atau tidak sama

ada di dalam negeri atau di luar negeri. Sama ada kos pengeluaran termasuk bahan-bahan dan buruh itu berpatutan, sama ada para pekerja negara kita ini mempunyai kemahiran, kecekapan serta sikap positif yang diperlukan dan sama ada negara kita ini mempunyai kestabilan politik dan keadaan sosial dalam negeri yang menjamin pelaburan tidak akan terjejas.

Maka kalau faktor-faktor semua ini adalah positif, pelabur-pelabur akan datang sama ada EIA akan dilaksanakan atau tidak. Dan oleh itu, saya menganggap bahawa EIA ini amatlah diperlukan untuk kebaikan rakyat. Ianya juga akan mengelakkan kos pemulihan yang mungkin beberapa kali ganda daripada kos pencegahan sekiranya dilaksanakan pada awalnya.

Maka ianya juga akan mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak diingini yang akan menjadi satu punca kebimbangan kepada rakyat seperti kes PAPAN yang baru-baru ini telah menjadi satu isu politik juga.

Maka soalnya bukanlah perlu atau tidak EIA ini tetapi apa yang kita harus jamin ialah peruntukan-peruntukan ataupun garis-panduan-garis-panduan EIA yang akan dilaksanakan itu akan dilaksanakan dengan seadil-adilnya dan secepatnya tanpa sebarang bureaucratic red-tape supaya EIA ini dapatlah mencapai matlamat asalnya.

Di sini izinkanlah saya mencadangkan supaya seorang pegawai dari Jabatan Alam Sekitar ataupun Department of Environment (D.O.E) dilantik untuk bertugas bersama-sama dengan "one-stop agency" di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya beliau ini dapatlah membantu dalam memproses dan meluluskan permohonan khasnya permohonan

yang meliputi kegiatan-kegiatan yang ditetapkan itu, dengan izin, "prescribed activities".

Yang keduanya mengenai proses penyertaan am (public participation), seperti yang dicadangkan oleh Ahli dari Kuala Lumpur Bandar supaya laporan ini dibentangkan untuk mendapatkan ulasan dari orang ramai, saya bersetuju juga pada prinsipnya, tetapi pada pendapat saya proses ini tidak semestinya meliputi satu proses inquiry yang akan memakan masa yang panjang. Apa yang boleh dibuat ialah sekiranya satu EIA telah dibuat, perkara itu boleh diumumkan secara pendeknya dalam suratkhbar dan juga melalui Warta Kerajaan di mana orang awam diberi satu tempoh, katakan sebulan atau dua, untuk memberi ulasan sekiranya ada dan selepas tempoh itu maka EIA akan dianggap sebagai diluluskan. Maka "onus", dengan izin, akan diadakan pada pihak persatuan-persatuan yang berkenaan dan juga kepada pihak orang awam yang mungkin akan terlibat ataupun terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Fasal 17 di mana pegawai-pegawai dan juga Ketua Pengarah D.O.E. diberi kuasa untuk menahan kenderaan-kenderaan yang mencemarkan udara.

Saya juga mengalu-alukan tindakan ini tetapi cuma saya ingin memberi satu rayuan kepada pihak Polis dan juga pihak Jabatan Pengangkutan Jalan iaitu sungguhpun kuasa ini sekarang diberi kepada D.O.E. ataupun kuasa ini sekarang diperkongsikan dengan pihak D.O.E., pihak JPJ dan Polis Trafik haruslah juga terus menjaga, mengawasi dan mengawal pencemaran khasnya pencemaran asap-asap kenderaan kerana besar kemungkinan bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak akan mempunyai bilangan pegawai yang mencukupi untuk mengawasi semua jalan raya di negara kita ini. Maka

dalam perkara ini kerjasama JPJ dan juga Polis Trafik sangatlah diperlukan dan janganlah dianggap bahawa kerana D.O.E sekarang diberi kuasa, inilah menjadi tugas dan tanggungjawab D.O.E dan bukanlah tanggungjawab pihak polis atau JPJ, ini adalah tanggungjawab bersama semua pihak yang terlibat itu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan dan juga kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk memastikan bahawa ukuran-ukuran ataupun "standards" yang akan digunakan oleh D.O.E itu untuk mengawal pencemaran di jalan raya adalah sama dengan ukuran-ukuran ataupun "standards" yang digunakan oleh JPJ sekarang. Sekiranya terdapat dua ukuran ataupun "standard" yang berbeza maka ini sudah pasti akan menimbulkan perasaan kalam-kabut dan akan mengalahkan tujuan asal untuk memberi kuasa kepada D.O.E. itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekarang merujuk kepada Fasal 16 dan juga 18 di mana seolah-olah kuasa Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar telah dikurangkan kerana peruntukan-peruntukan ini bertujuan untuk menghapuskan kuasa Menteri membuat peraturan-peraturan mengenai kapal-kapal dan juga kilang-kilang penapisan minyak (oil refineries). Saya membangkitkan perkara ini sebab saya merasa khawatir adakah undang-undang yang berhubung dengan Perkapalan Saudagar itu mengandungi fasal-fasal dan juga kuasa-kuasa yang mencukupi untuk mengawal pencemaran alam sekitar dalam laut. Maka dalam perkara ini saya berharap agar pihak Kerajaan pada keseluruhannya akan mengkaji sama ada ini adalah berpatutan atau tidak. Umpamanya saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, kepada Huraian yang diberi untuk Fasal 18 di mana

dikatakan bahawa seksyen 51 (1) (r) tidak diperlukan lagi dan mestilah dihapuskan kerana ianya telah diperuntukkan di bawah seksyen 31 Akta Ibu. Apabila saya mengkaji seksyen 31 Akta Ibu, saya dapati bahawa peruntukan di dalam Fasal itu sebenarnya terlalu am dan tidak spesifik iaitu ianya tidak merujuk kepada kilang-kilang penapisan minyak, dan adakah ini mencukupi? Itulah soalan saya.

Di sini saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini kepada rancangan contingency untuk mengawas dan mencegah tumpahan minyak di Selat Melaka, ataupun apa yang dikenali sebagai OSCP (Oil Spill Contingency Plan). Soal saya ialah OSCP ini sekarang dengan pindaan kepada Akta ini di bawah Kementerian mana, sama ada di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ataupun di bawah Kementerian Pengangkutan?

Saya berpendapat bahawa sekiranya Kementerian Pengangkutan diberi kuasa kerana mengikut undang-undang yang berhubung dengan Perkapalan Saudagar ini mungkin tidak begitu mencukupi kerana pada pendapat saya pegawai-pegawai Kementerian Pengangkutan lebih menitikberatkan dari segi lalulintas dalam laut, lebih menitikberatkan atau memastikan bahawa kapal-kapal tidak berlanggar dan sebagainya, dan mereka mungkin kurang sedar atas masalah-masalah pencemaran. Oleh itu saya ingin mencadangkan bahawa janganlah diberi kuasa sepenuhnya kepada satu Kementerian iaitu Kementerian Pengangkutan, tetapi apa yang harus dibuat ialah satu Pasukan Petugas bersama yang meliputi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bersama-sama dan Kementerian Pengangkutan dan juga Polis Marin. Dengan Pasukan Petugas bersama ini barulah kita dapat mencegah masalah-masalah pencemaran di laut dengan lebih berkesan.

Di sini saya juga ingin menyentuh sedikit tentang cadangan Taman Samudra ataupun Marine Park di Pulau Redang. Seperti yang telah dicadangkan satu kajian sedang ataupun akan dijalankan untuk menjadikan Pulau Redang itu sebuah Taman Samudra di negara kita ini.

Pada pendapat saya projek ini mempunyai beberapa tujuan, yang penting sekali ialah tujuan untuk melindungi "eco-system" atau sistem ekologi supaya Pulau Redang ini dijadikan sebagai satu contoh di mana sistem ekologi dapat dilindungi dengan berkesan.

Projek ini juga mempunyai tujuan untuk melindungi sumber-sumber laut dan projek ini juga mempunyai potensi pelancongan. Oleh itu pada pendapat saya projek ini memerlukan kerjasama yang serapat-rapatnya di antara tiga buah Kementerian iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Pertanian dan juga Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk segi pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menarik perhatian Menteri kepada satu perkara dalam Akta Ibu iaitu dari segi takrif ataupun definisi "sisa" ataupun "waste". Seperti yang terkandung dalam muka surat 10 Akta Ibu definisi sisa ini termasuk juga sisa radioaktif maka saya ingin menarik perhatian Menteri kerana mengikut pengetahuan saya dan kalau tidak silap saya perkara yang bersangkutan-paut dengan sisa radioaktif telah diletak di bawah Atomic Energy Licensing Act ataupun Akta Perlesenan Tenaga Atomik. Maka ini terletak di bawah Unit Tenaga Nuclear dalam Jabatan Perdana Menteri.

Adakah ini bermakna bahawa kalau kita mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling pihak DOE masih mempunyai kuasa atas sisa-sisa radio aktif buat sementara waktu, ataupun

kuasa itu telah diserahkan 100% kepada Unit Tenaga Nuclear di bawah Akta Pelesenan Tenaga Atomik? Ini adalah penting kerana sekiranya bidang kuasa tidak diberi definisi yang tetap iaitu tidak ada garis yang begitu jelas untuk memecah ataupun membahagi bidang kuasa maka apa yang akan berlaku ialah tidak ada orang yang bertanggungjawab pada akhirnya.

Pada pendapat saya Unit Tenaga Nuclear ini sebenarnya lebih bertujuan untuk memajukan penggunaan tenaga nuclear di negara kita dan kalau ada aspek-aspek dari segi alam sekitar lebih baiklah aspek itu dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar kerana mereka ini lebih sedar terhadap bahaya-bahaya dan juga masalah-masalah yang bersangkutan-paut dengan pencemaran.

Akhir sekali sebagai kesimpulan saya ingin mengalu-alukan pindaan ini. Pindaan ini seolah-olah telah memberi gigi kepada Jabatan Alam Sekitar. Akan tetapi, kalau kakitangan Jabatan yang berkenaan itu tidak mencukupi maka seolah-olahnya Jabatan ini mempunyai gigi tetapi tidak mempunyai dagu ataupun "jaws". Maka gigi tidaklah berguna kerana tidak akan menggigit. Oleh itu di sini saya ingin merayu kepada pihak Kerajaan supaya sekiranya Kerajaan adalah serius dari segi pengawalan mutu atau kualiti alam sekitar maka Jabatan Alam Sekitar haruslah diberi kakitangan yang mencukupi, dan yang lebih penting lagi, kakitangan yang berkelayakan untuk menjalankan tugas-tugas mereka itu. Ini adalah kerana tugas-tugas DOE ini bukanlah tugas biasa, ianya memerlukan latihan-latihan yang tertentu dalam bidang sains dan teknologi untuk mengawal alam sekitar. Maka sekiranya tidak ada pegawai-pegawai atau tidak mencukupi bilangannya, maka lebih banyak pegawai-pegawai harus diberi latihan yang bersesuaian. Itulah rayuan

saya dari segi pelaksanaan Akta ini dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh.

4.37 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dan mengambil bahagian dalam perbahasan untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Sebelum saya pergi kepada satu, dua perkara detail dalam Akta ini, saya ingin membuat cadangan, iaitu cadangan ekoran daripada beberapa pandangan yang telah pernah disuarakan di dalam Dewan ini di mana pembekalan Rang Undang-undang yang hendak dipinda di dalam Dewan yang mulia ini di dalam satu-satu Mesyuarat adalah lambat menyebabkan Ahli-ahli Dewan tidak mempunyai masa yang cukup untuk meneliti dan seterusnya membahaskan pindaan Rang Undang-undang tersebut. Ini bukan hanya saya khususnya kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar malahan kepada semua Kementerian.

Saya mencadangkan agar bagi mengelakkan masalah ini pada masa-masa yang akan datang di bahagian huraian sesuatu Akta yang hendak dipinda itu dimuatkan dengan huraian Akta yang asal, kemudian baharulah dihuraikan perkara-perkara yang hendak dipinda kerana saya percaya dan yakin bahawa setiap Ahli Dewan ini tidak tahu tentang apa bentuk, apa isi, apa kandungan Akta asal yang hendak dipinda itu. Dengan hal yang demikian memadailah menghuraikan sahaja bahagian-bahagian yang hendak

dipinda itu, menghuraikan yang asalnya kemudian dihuraikan perkara-perkara yang hendak dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang telah berusaha dan berupaya untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Dan kalau tidak salah ingatan saya, pernah dalam Dewan yang mulia ini apabila dibangkitkan pertanyaan, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa pegawai dan kakitangan Kementerian adalah mencukupi untuk menjalankan penyiasatan segera dan memberi laporan segera terhadap masalah-masalah yang berkaitan dengan pencemaran baik pencemaran udara, pencemaran tanah-tanah, pencemaran air yang berlaku di dalam negara ini.

Di atas penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu, saya yakin masalah pencemaran ini tidak mungkin wujud lagi kerana pegawai-pegawainya sudah cukup. Tetapi walau bagaimanapun, saya rasa hingga setakat ini masih didapati bahawa perakuan-perakuan yang perlu dikemukakan oleh Kementerian terhadap sesuatu masalah yang berkaitan dengan pencemaran ini agak lambat disiapkan. Misalnya, jika sekiranya wujud permohonan untuk mengendalikan mesin cetak kadang-kadang pemohon terpaksa menunggu berbulan-bulan lamanya semata-mata untuk mendapatkan perakuan daripada Kementerian yang berkenaan. Misalnya, kalau wujud permohonan untuk mendirikan industri batu bata, Kementerian yang berkenaan juga begitu lambat untuk mengemukakan perakuan masing-masing agar proses kelulusan permohonan yang telah disalurkan itu dapat disegerakan. Dan di atas kelewatan ini maka berdasarkan kepada beberapa peruntukan yang telah dimasukkan di dalam pindaan

terhadap Akta ini, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak tahniah dan terima kasih kepada Kementerian. Semuga dengan adanya pindaan-pindaan ini sebarang kelambatan atau kelewatan yang berkaitan dengan masalah-masalah yang telah saya sebutkan itu tadi mungkin tidak lagi timbul pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada Akta yang dipinda, muka surat 5, Fasal 34A iaitu diwujudkan satu fasal yang baharu; saya bacakan:

“(2) Sesiapa yang bermaksud hendak menjalankan apa-apa aktiviti yang ditetapkan hendaklah, sebelum apa-apa kelulusan bagi menjalankan aktiviti itu diberikan oleh pihak berkuasa meluluskan yang relevan, mengemukakan suatu laporan kepada Ketua Pengarah”

Ertinya jika sekiranya saya ingin menjalankan sesuatu kegiatan ataupun aktiviti maka saya hendaklah mengemukakan laporan kepada Ketua Pengarah. Jika sekiranya Ketua Pengarah berpuas hati terhadap laporan yang saya kemukakan itu maka ertinya permohonan saya akan seterusnya diluluskan. Jika sekiranya Ketua Pengarah tidak berpuas hati terhadap apa yang telah saya laporkan itu maka permohonan saya mungkin ditolak. Begitulah yang saya faham berkaitan dengan Seksyen baru 34A (1) hingga ke (4) ini.

Berkaitan dengan perkara ini saya menyokong dengan sekuat-kuatnya, bersetuju di atas apa yang telah dicadangkan tetapi walau bagaimanapun, ingin ataupun suka saya mencadangkan di sini bahawa di dalam pemohon-pemohon itu mengemukakan laporan-laporan kepada Ketua Pengarah maka laporan-laporan itu hendaklah juga disertakan dengan laporan daripada pegawai Kementerian, jika sekiranya

Kementerian tidak mempunyai cukup bilangan pegawai-pegawai kalau mengikut perkara pindaan seksyen 45 (1) “. . . . mana-mana pegawai awam yang telah diwakilkan kuasa itu oleh Ketua Pengarah.” Ertinya Ketua Pengarah boleh melantik mana-mana pegawai awam baik di negeri ataupun di daerah-daerah maka laporan yang hendak dikemukakan oleh pemohon kepada Ketua Pengarah hendaklah disertakan juga dengan laporan daripada mereka yang telah diberikan kuasa oleh Pengarah. Dan di samping itu pegawai awam yang dilantik di tiap-tiap daerah ini mungkin hendaklah juga menyertakan laporan-laporan tersebut dengan memberikan pandangan orang ramai terhadap sesuatu kegiatan ataupun aktiviti yang hendak dijalankan itu. Perkara ini saya cadangkan kerana saya bimbang jika sekiranya perkara tersebut tidak dimasukkan tidak diketatkan mungkin berlaku penyalahgunaan kuasa, mungkin berlaku perkara-perkara yang tidak diingini yang kemudian kelak akan menimbulkan lebih banyak masalah dan kekecohan terhadap kegiatan ataupun aktiviti yang hendak dijalankan oleh seseorang pengusaha itu.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya memberikan sokongan kepada pindaan seksyen 45 (1) yang berbunyi; saya bacakan:

“. . . . atau mana-mana pegawai awam yang telah diwakilkan kuasa itu oleh Ketua Pengarah secara bertulis bagi mengelakkan masalah pencemaran ataupun pengeluaran asap yang kuat bagi kenderaan dan sebagainya ataupun dan seumpamanya.”

Maka saya mencadangkan di sini bahawa Ketua Pengarah hendaklah melantik pegawai-pegawai awam itu di tiap-tiap daerah di samping Ketua Pengarah juga melantik seorang yang mewakili

orang ramai. Jangan dibiarkan seorang ataupun dua orang daripada kakitangan Kerajaan di tiap-tiap daerah, tetapi hendaklah juga dilantik orang-orang tertentu yang boleh dipercayai, yang boleh menjalankan tugas melaksanakan peranan tugas dan tanggungjawab serta amanah dengan baik iaitu mereka yang mewakili orang ramai. Perkara ini saya cadangkan ialah kerana saya bimbang dan takut jika sekiranya hanya dilantik pegawai-pegawai awam sahaja maka masalah-masalah yang berkaitan dengan penyalahgunaan kuasa dan yang seumpamanya itu mungkin berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa yang lain-lain tidak ada lagi yang perlu saya cadangkan. Itulah sahaja yang saya dapat sampaikan dan pada akhirnya pada keseluruhannya saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Rengas.

4.38 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Bismillahir-rahmanir-rahim. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya terlebih dahulu mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang telah berjaya mengemukakan beberapa pindaan ke atas Akta Ibu, Alam Sekitar ini. Saya berpendapat tujuannya adalah jelas selain daripada untuk mengemaskinikan Akta yang ada agar dapat menjamin bukan sahaja mewujudkan sebuah suasana persekitaran yang indah dan cantik dipandang, juga boleh dapat menjamin kesihatan rakyat pada keseluruhannya, di samping dapat mengelakkan berlakunya kerosakan kepada tumbuh-tumbuhan tanam-tanaman dan juga kemusnahan

sumber-sumber makanan rakyat seperti ikan dan sebagainya. Atas asas-asas itulah saya menyokong dan mengucapkan tahniah. Namun demikian, saya berpendapat menerusi Undang-undang sahaja kita tidak dapat mencapai objektif itu seratus peratus tanpa penyertaan dan penglibatan secara aktif daripada masyarakat atau orang ramai. Berhubung dengan masalah ini, sukalah saya memberi sedikit pandangan agar kempen kebersihan seperti yang dijalankan oleh pihak Alam Sekitar ini hendaklah dijadikan satu aktiviti, kalaupun tidak boleh tiga bulan sekali atau enam bulan sekali, jadikanlah aktiviti tahunan yang mesti dijalankan oleh pihak Kementerian ini tetapi aktiviti yang seumpama ini juga tidak akan dapat memberi kesan yang maksima jika tidak mendapat kerjasama daripada lain-lain Kementerian.

Oleh sebab itu pihak perancangan patutlah dapat mengadakan kegiatan secara bersepadu di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan lain-lain Kementerian yang ada hubung kaitnya dengan kepentingan orang ramai supaya dapat kita menanamkan sikap kekitaan, cinta dan kasih kepada persekitaran tempatan khususnya dan amnya cinta dan kasih kepada tanahair dan negara kita. Jika kita dapat menerapkan nilai-nilai yang baik ini ke dalam hati sanubari kita, umpamanya pada kanak-kanak di peringkat persekolahan, apa salahnya pada masa sekolah cuti di situlah kita buat gerakan, penyertaan bersama dengan para belia-belia yang ada di satu-satu daerah bersama-sama dengan pihak alam sekitar. Tetapi alam sekitar hendaklah menjadi teras di dalam gerakan ini. Jika sekiranya perancangan ini diatur selaras dengan masa dan ketika kemudahan-kemudahan pada lain-lain agensi dan

kementerian saya fikir tentulah kejayaan akan boleh dicapai.

Saya katakan, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar umpamanya kita mempunyai ahli JKKK di merata-rata kampung. Do kampung-kampung yang ada berhampiran dengan kawasan-kawasan bandar, pekan dan sebagainya patut dilibatkan menjadikan satu kegiatan biasa supaya mereka dapat menyumbang khidmat mereka. Janganlah semuanya mereka mesti bergantung kepada Kerajaan. Dengan cara yang demikian kita akan dapat menghidupkan kembali nilai-nilai yang baik yang diwarisi oleh datuk nenek kita dahulu iaitu semangat gotong-royong dengan tidak payah mengeluarkan belanja yang banyak di samping dapat kita menanamkan semangat kecintaan kepada kebersihan kawasan dan sebagainya. Inilah harapan saya supaya perkara itu akan dapat diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Yang kedua, selain daripada itu patut jugalah dan saya rasa bukan sahaja patut seharusnya menjadi satu perhatian yang berat kepada pegawai-pegawai penguatkuasa setelah kita bekalkan dengan akta-akta yang difikirkan lengkap untuk membolehkan mereka mengambil tindakan-tindakan yang positif ke arah mencegah wujudnya pencemaran alam dan menjamin kebersihan di setiap persekitaran di kawasan-kawasan sama ada di bandar ataupun di kawasan-kawasan luar bandar. Mereka mestilah tegas di dalam mengambil sesuatu langkah dan tindakan supaya bukan sahaja dapat memberi makna kepada akta yang kita lulus ini akan tetapi dapat memberi kesedaran kerana tujuan undang-undang ini sebenarnya bukanlah hendak menyusahkan sesiapa, bukanlah hendak menzalimi sesiapa, bagi mereka yang bertanggungjawab tidak sedikit pun harus merasa bimbang kerana undang-undang ini tidak akan dikenakan

kepada mereka. Mereka yang tidak bertanggungjawab maka patutlah dikenakan hukuman dan penaan undang-undang ini bukanlah hendak merosakkan mereka tetapi hendak membentuk watak mereka daripada yang tidak baik kepada yang lebih baik, daripada kurang ajar kepada hidup cara berdisiplin, ini tujuan undang-undang. Jadi, kita sepatutnya di dalam soal tindakan ini seharusnya kita mesti tegas kerana ada beberapa kejadian-kejadian yang berlaku tetapi tindakannya terlalu negatif.

Di dalam masalah mendapatkan bukti-bukti tentang kecemaran air umpamanya, misalnya saya contohkan katalah sesebuah kilang yang menjalankan operasi kilang kelapa sawit untuk buat minyak sawit. Mungkin ada kalanya berlaku limpahan minyak dan sebagainya itu pada masa-masa yang tidak menentu dan kalau kita mengambil contoh-contoh air itu umpamanya pada pukul 8.30 pagi, mungkin masalah yang ada di situ tidak dapat juga kita atasi kerana limpahan itu berlaku umpamanya pada pukul 2 malam. Jadi ini bermakna di dalam mengambil contoh air mestilah selaras dengan keadaan kerana dengan contoh-contoh inilah yang dapat dibuktikan sama ada berlakunya kecemaran di satu-satu kawasan itu.

Kalau pihak alam sekitar mengatakan hasil kajiannya tidak ada apa-apa kecemaran berlaku setelah dibuat kajian, pada hal perkara sebenar masih berlaku, masih wujud. Jadi, kita berharap supaya contoh-contoh air yang diambil itu pada waktu dan ketika yang tepat. Untuk tujuan ini kita gunakan kerjasama daripada masyarakat tempatan umpamanya pengerusi JKK, ketua kampung, penghulu dapat membantu Kementerian ini dengan tidak payah pegawai-pegawai kita pergi tidur, berkhemah, duduk di sana. Kerjasama tadi adalah penting. Mengambil contoh air waktu pagi, pukul berapa diambil, tulis pada botol itu umpamanya pukul

8.30 pagi, 11 pagi, pukul 3 petang, pukul 7 malam, pukul 2 pagi dan sebagainya.

Contoh-contoh air ini kita dapat satu kajian dan keputusan yang lebih berkesan. Jadi sekiranya satu maklumat atau keputusan yang dibuat oleh pihak Alam Sekitar yang mempunyai tauliah bagi memastikan laporan sama ada air itu cemar atau tidak saya rasa akan dapatlah dipertanggungjawabkan oleh masyarakat. Jika tidak, walaupun keputusan dibuat mengatakan, air tidak kotor. Tetapi orang kampung, orang ramai yang ada di persekitaran kilang itu masih lagi menjerit-jerit atau datang berjumpa dengan Wakil Rakyat dan sebagainya mengatakan keadaan sebenarnya. Pegawai yang kita hantar tadi seolah-olah tidak ada apa-apa faedah atau memberi makna kepada maklumat yang dikehendaki sebenarnya. Kesimpulannya rakyat mengatakan walaupun sudah diadu kepada Wakil Rakyat, sampai tuan D.O., sampai pegawai itu dan pegawai ini tetapi Kerajaan masih tidak mahu mengambil tindakan. Pada hal, kita sudah bekerja, kita sudah bertindak, pegawai kita sudah pergi menyasat dan sebagainya. Tetapi kerana soal teknikal cara kita mendapatkan satu-satu maklumat dan keputusan itu, saya rasa tidak tepat menyebabkan usaha yang begitu susah payah masih dituduh, ditohmah kita tidak bekerja dan sebagainya dan kita tidak mahu mengatasi masalah penderitaan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah masalah ini akan dapat direnung, jika munasabah bolehlah difikirkan kerana pegawai-pegawai ini semua bijak-bijak, pandai-pandai, mungkin ada cara yang lebih baik lagi. Kesimpulannya janganlah ambil contoh air hanya pada satu-satu ketika yang tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Akta ini, saya suka merujuk

kepada Fasal 6. Perkara 6 di dalam Huraian yang disebutkan seperti berikut:

6. Fasal 7 dan 8 bertujuan meminda seksyen 16 dan 18 untuk mengadakan penalti yang lebih berat bagi apa-apa pelanggaran seksyen-seksyen ini iaitu daripada denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya kepada denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit penjara selama tempoh yang tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan.

Saya tertarik hati dengan pindaan ini, ayat yang akhir itu "satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan". Ini adalah satu cadangan yang praktikal kerana kadangkala pihak-pihak yang tertentu menganggapkan ataupun membuat perhitungan kesalahan yang mereka lakukan kena denda lima ribu ringgit bukanlah banyak sangat kerana pendapatnya seratus ribu ringgit tetapi dengan diadakan penalti tambahan satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan, ini akan dapat lebih lagi memberi kesedaran kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sama ada sengaja ataupun sebaliknya melakukan kesalahan-kesalahan yang bertentangan atau yang dilarang oleh Akta ini.

Perkara yang kedua, Huraian Perkara 9:

"Fasal 13 memasukkan suatu seksyen baru, iaitu seksyen 34A yang menghendaki sesiapa yang bermaksud menjalankan apa-apa aktiviti yang ditetapkan mengemukakan suatu laporan kepada Ketua Pengarah mengenai kesan kepada alam sekeliling akibat aktiviti itu. Laporan itu hendaklah

dikemukakan sebelum kelulusan bagi pelaksanaan aktiviti itu diberikan oleh agensi Kerajaan yang relevan. Seksyen ini juga menetapkan maklumat yang dikehendaki dimasukkan ke dalam laporan itu dan kuasa Ketua Pengarah meluluskan (dengan atau tanpa syarat) atau tidak meluluskan laporan ini. Ketua Pengarah juga diberi kuasa di bawah subseksyen (7) untuk mengawasi pelaksanaan cadangan-cadangan yang dibuat dalam laporan itu berhubung dengan pencegahan, pengurangan atau pengawalan kesan-kesan kurang baik kepada alam sekeliling. Subseksyen (8) menjadikan suatu kesalahan jika seseorang itu tidak mematuhi kehendak-kehendak seksyen ini dan menetapkan penalti baginya.”

Perkara ini memanglah wajar dan saya rasa amat tertarik hati oleh kerana terdapat pada masa ini ada pihak-pihak yang telah mengadakan aktiviti atau membuat apa-apa projek tanpa mendapat kelulusan daripada pihak alam sekitar dan hari ini mereka telah menjalankan kegiatan-kegiatan mereka oleh sebab keadaan sekarang menjadi satu dilema pula kepada kami yang menjadi pemimpin kecil di kawasan-kawasan luar bandar. Saya katakan menjadi dilema kerana memanglah pihak kita, pihak pemimpin kecil yang ada di kawasan-kawasan luar bandar itu amat sukacita jika keadaan persekitaran kawasan luar bandar itu dapat diwujudkan berbagai-bagai projek, tidak hanya menumpu kepada sektor pertanian sahaja. Kita memang berkehendakkan supaya keadaan persekitaran di kawasan luar bandar, di kawasan pertanian ini juga didirikan kilang-kilang kecil untuk membolehkan penyertaan petani-petani yang tidak berminat untuk mengerjakan usah-usaha pertanian mereka ke dalam sektor industri ini.

Jadi oleh sebab yang demikian jika pihak-pihak industri ini bertindak tidak mengikut aturan dan peraturan yang sudah ditetapkan oleh Kerajaan, maka implikasinya telah menimbulkan pula masalah kepada rakyat. Apabila rakyat bertanya mengapa Kerajaan benaran kilang ini wujud, kerana wujudnya kilang itu timbul berbagai-bagai masalah dan apabila pastikan memang benar perkara yang didakwa itu. Apabila disusuli bagaimana pihak alam sekitar boleh memberikan kebenaran jawapan yang diperolehi tidak ada kebenaran.

Maka dengan adanya undang-undang ini akan dapat memberi kesedaran kepada mereka yang berkenaan kerana perbuatan mereka ini menjejaskan, nombor satu nama baik alam sekitar, orang ramai tidak tahu sama ada dia ada lesen atau tidak ada lesen. Mereka bertanya fasal apa jabatan benarkan? Itu soal pertama. Soal kedua Kerajaan, yang ketiga dia balik kepada Wakil Rakyat, kita terpaksa pikul bersama. Jadi dalam kempen-kempen pilihanraya nanti timbul: Walaupun Wakil Rakyat kita berbangga ada kilang tetapi tahukah tuan-tuan berapa banyak sekarang ini. katanya, ayam itek kita mati kerana minum air sungai, padi kita tidak menjadi, ikan-ikan semua musnah yang menjadi sumber makanan kita. Inilah yang dibanggakan oleh Wakil Rakyat mengatakan bawa industri ke luar bandar memberi faedah kepada rakyat kata pembangkang misalnya.

Jadi inilah menjadi perbahasan politik, DAP dia gelak sahajalah kerana menjadi modal politiknya dia boleh hantam kita. Oleh sebab itu, kita perlulah bekerjasama daripada semua agensi-agensi Kerajaan apabila hendak membuat sesuatu projek benar-benar boleh memberi manfaat dan tidak menimbulkan masalah kepada masyarakat serta kepada negara, dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Saya bukan hendak jek alam sekitar ini tetapi ini adalah perkara betul. Jadi dengan tindakan yang seperti ini saya rasa barulah perancangan kita di dalam soal membangunkan negara ini sama ada untuk mengubah suasana persekitaran di kawasan luar bandar yang sangat baik dan sangat berguna kepada negara dan kepada rakyat sekalian itu akan berjaya.

Jadi kalau ada penentangan kepada projek-projek, umpamanya, kilang sama ada dibuat oleh swasta atau agensi Kerajaan bukanlah bermakna kita tak suka projek-prpjek pembangunan seumpama itu dibawa ke luar bandar akan tetapi oleh sebab lebih banyak buruk daripada baik, maka terpaksa jugalah kita bersungut bukan menentang, kita bersungut mengapa terjadi demikian.

Perkara ini berlaku di kawasan saya, saya tak hendak sebut kerana seperti mana saya katakan tadi satu dilema, kalau saya bising-bising orang takut nanti hendak masuk ke kawasan saya. Tak usah pergi nanti Dato' Saisin bangkitkan di Parlimen, jangan pergi ke kawasan dia. Saya pun melepas juga. Jadi inilah, diluahkan mati mak, ditelan mati pak. Inilah menjadi dilema sekarang ini. Sesungguhpun kita mengalu-alukan industri-industri kecil dibawa atau dibangunkan di kawasan-kawasan di luar bandar supaya dapat kita memperbagaikan sumber kehidupan rakyat di kawasan luar bandar. Ini akan memberikan satu pertolongan yang besar kepada pergerakan politik kita, khususnya parti Kerajaan, bukan DAP.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka merujuk lagi kepada perkara Fasal 15 bertujuan meminda seksyen 45 Akta Ibu utuk memberi kuasa mengkompaun kesalahan-kesalahan kepada Pengarah-pengarah di bawah peruntukan yang ada sekarang, hanya Ketua Pengarah dan Timbalan-timbalannya boleh-berbuat demikian. Oleh sebab itu saya

tidak tahu Pengarah-pengarah ini berapa ramai di sesebuah negeri, berapa ramai ada di daerah-daerah, tetapi pada umumnya saya rasa adalah munasabah kita memerturunkan atau meluaskan bidang kuasa untuk mengkompaunkan ini daripada hanya kita menentukan kepada Ketua Pengarah dan Timbalan-timbalannya sahaja. Jadi langkah ini saya rasa adalah wajar tetapi kalau boleh ditibangkan seberapa banyak yang boleh Pegawai-pegawai Kanan yang lain kita berikan kuasa-kuasa ini supaya lebih menjamin lagi dari segi prestasi perkhidmatan Kementerian ini dengan ramainya orang yang boeh dipertanggungjawabkan. Dengan menurunkan kuasa-kuasa ini saya rasa tidak ada salahnya jika ianya dapat dikawal dengan aturan dan peraturan yang sempurna, maka dengan lebih banyak orang yang mempunyai kuasa akan lebih mencepatkan lagi dan lebih memberikan kelicinan lagi dari prestasi pentadbiran Kementerian ini.

Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sepenuhnya menyokong atas Akta bagi meminda Akta Kualiti ALam Sekeliling 1974 ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

5.12 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Akta yang dibentangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Saya ingin merujuk kepada satu seksyen yang baru, iaitu seksyen 34A (2). Izinkan saya membaca dari naskah:

“34A. (2) Sesiapa yang bermaksud hendak menjalankan apa-apa aktiviti yang ditetapkan hendaklah, sebelum apa-apa kelulusan bagi menjalankan aktiviti itu diberikan

oleh pihak berkuasa meluluskan yang relevan, mengemukakan suatu laporan kepada Ketua Pengarah....

Laporan tersebut ialah Laporan Penilaian Kesan-kesan terhadap Alam Sekeliling ataupun Environmental Impact Assessment (EJA). Saya menghargai seksyen ini. Pada pendapat saya seksyen ini adalah satu "break through" yang kecil supaya keutamaan boleh diberi kepada bidang alam sekeliling khususnya memandangkan bahawa kita akan melaksanakan satu Dasar Perindustrian Negara.

Seperti yang kita telah maklum, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Persekutuan telah menyediakan satu Pelan Induk Perindustrian Negara. Ertinya negara kita akan melancarkan satu rancangan perindustrian, maka kita akan menghadapi masalah-masalah yang lain daripada masalah-masalah sosio ekonomi yang kita pernah menghadapi. Masalah itu adalah masalah pencemaran daripada tindakan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, satu tendency telah berada di dunia sekarang untuk memindahkan industri-industri, khususnya industri berat daripada negara-negara barat kepada dunia ketiga, seperti Malaysia bagi dua sebab. Sebab yang pertama, ialah bahawa negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia mempunyai sumber-sumber tenaga yang murah serta buruh yang murah juga. Sebab kedua, untuk memindahkan industri berat ke dunia ketiga ialah sebuah negara seperti Malaysia tidak mempunyai kesedaran alam sekitar seperti yang diadakan di Amerika Syarikat ataupun di Jepun. Saya sedar bahawa rancangan perindustrian adalah menarik kepada Kerajaan Malaysia oleh kerana rancangan ataupun dasar perindustrian (industrial plan) akan mendatangkan faedah-faedah dari segi menarik pelaburan daripada negara-negara asing, dari segi sosio ekonomi dengan memberi peluang untuk

bekerja, dan dari segi "diversifying" ekonomi negara kita. Walaupun demikian, saya ingin membangkitkan di sini satu kes yang tertentu untuk menasihatkan "caution" kepada pihak Kerajaan, caution dari segi memelihara alam sekitar di dalam negara kita ketika kita melaksanakan rancangan ataupun dasar perindustrian.

Saya ingin sebutkan satu contoh, iaitu Aluminium Smelting Project yang dirancangan bagi Kawasan Industri Bintulu di Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun akhir 70an, satu syarikat gergasi antarabangsa, iaitu Reynolds telah mengadakan perundingan dengan Kerajaan Negeri Sarawak serta Kerajaan Persekutuan untuk mendirikan satu aluminium smelting plant di Bintulu oleh kerana Bintulu mungkin boleh menerima tenaga yang murah daripada Projek Hidro Elektrik Bakun. Ingin saya mengingatkan Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bahawa Reynolds mempunyai satu rekod yang tidak begitu cemerlang dari segi memelihara alam sekitar. Pada tahun 1978 atau 1979 Syarikat Reynolds itu mendirikan satu aluminium smelting plant berhampiran dengan satu kawasan bandar yang besar, iaitu Hamburg di Jerman Barat, tetapi petani-petani dan penduduk-penduduk tempatan di Hamburg itu membuat bantahan oleh kerana proses smelting aluminium itu telah mencemarkan alam sekitar mereka, menghapuskan hasil tanaman dan haiwan-haiwan. Dukacitanya Reynolds enggan mengambil perhatian terhadap aduan mereka dan mereka itu terpaksa untuk membawa kes itu ke mahkamah di Hamburg. Majistret itu membuat satu keputusan yang memerlukan Reynolds untuk mengurangkan pengeluaran aluminium sehingga 65% dibandingkan dengan pengeluaran yang asal. Oleh kerana operasi itu tidak

begitu "feasible" Reynolds sekarang mencari satu tempat lain "alternative" untuk mendirikan aluminium smelting yang lain, iaitu Bintulu, Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengambil perhatian berat tentang perkara ini oleh kerana aluminium smelting adalah salah satu industri yang amat mencemarkan alam sekitar. Untuk mengeluarkan satu ton aluminium daripada bauxite 2,000 sehingga 3,000 cubic metre sisa gas ataupun sampah-sarap akan dikeluarkan juga. Gas waste ini terdiri daripada seperti berikut, dengan izin, carbon dioxide, carbon monoxide yang amat beracun, sulphur dioxide, silicon tetra fluoride, hydrogen fluoride yang amat membahayakan, carbon sulphide, carbon disulphide, hydro carbon dan sebagainya. Dan di satu kilang di Japan, di satu kawasan bernama Shouzuka Prefecture di Japan, kilang yang dimiliki oleh Nippon Light Metal, kilang yang dikenalkan sebagai Kanabarah Plant, semua pokok-pokok, semua vegetation, dengan izin, dalam satu kawasan 10 kilometer daripada tempat kilang itu semua dihapuskan ataupun dibunuh.

Tuan Yang di-Pertua, R. J. Reynolds bertujuan untuk mengeluarkan sebanyak 100,000 tan aluminium satu tahun dari Bintulu dan kita boleh imagine, dengan izin, berapa banyak gas beracun akan dikeluarkan dan apa kesan-kesan yang buruk akan diadakan ke atas manusia dan alam sekitar di kawasan Bintulu. Mengikut, dengan izin, Agriculture Handbook No. 340 tahun 1972 dari dengan izin, United States Agriculture Department, mengikut laporan itu, izinkan saya baca lagi, "airborne fluorides" hydrogen fluoride yang dikeluarkan oleh smelting plant, "airbone fluorides have created more world damage to domestic animals than any other air pollutant". Dan kajian yang dijalankan oleh seorang pakar

sains Russia dalam tahun 1968, seorang pakar sains namanya M. S. Sadilova ianya membuat satu keputusan bahawa "hydrogen fluoride emitted by Australian factories caused brain damage," merosakkan otak dan jika kita boleh mengingatkan apa yang berlaku di Sabah di dalam Projek Lombong Tembaga di Mamut di mana sisa-sisa industri itu mencemarkan lapan buah tributaries di sungai itu dan menyebabkan kerosakan kepada ikan, air paip kepada rumahtangga serta tanaman padi.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, aluminium juga memerlukan caustic soda sebagai agen kimia untuk memeroseskan sumber-sumber asli dan telah dibuktikan di tempat lain bahawa proses ini akan mengeluarkan mercury (raksa). Timbalan Yang di-Pertua adalah seorang doktor dan tentulah tahu betapa beracun mercury kepada hidupan manusia, ikan dan sebagainya

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak berkaitan dengan Rang Undang-undang, Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya menarik perhatian bahawa sekarang di bawah fasal relevant di bawah Rang Undang-undang ini satu E.I.A. haruslah diluluskan sebelum aktiviti-aktiviti ditetapkan dan diluluskan dan saya harap juga sebelum aluminium smelting project itu dilaksanakan di Bintulu, satu EIA juga boleh disediakan bukan kepada Kementerian berkenaan sahaja tetapi kepada orang ramai keseluruhannya. Berhubung dengan EIA itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri kenapakah EIA ataupun kajian penilaian kesan-kesan terhadap pencemaran alam sekitar yang telah disediakan oleh feasibility study di Bakun belum dikemukakan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, Projek Elektrik Hidero di Bakun akan membanjirkan satu kawasan luasnya 695 square kilometres, satu kawasan yang lebih besar daripada Pulau Singapura. Kawasan ini sekarang terdiri daripada hutan asli ataupun primary forest yang diclassifykan sebagai mixed dipterocarp forest. Soalan saya ialah adakah satu E.I.A. telah disediakan untuk memastikan sama ada flora dan fauna di kawasan itu akan menjadi extinct daripada melaksanakan Projek Bakun.

Keduanya, adakah EIA telah disediakan untuk menentukan sama ada hakisan tanah akan berlaku sehingga seimbangkan ecosystem akan ditukarkan sehingga mungkin hujan dan cuaca di kawasan Bahagian Ketujuh di Sarawak akan ditukarkan juga. Soalan haruslah dibangkitkan juga terhadap sama ada binatang-binatang hutan dan ikan akan diugutkan oleh pelaksanaan Projek Bakun kerana kita tahu bahawa makanan protein bagi penduduk-penduduk tempatan di Bakun terdiri daripada hanya binatang hutan dan ikan sahaja.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, adakah EIA telah di jalankan terhadap projek Bakun untuk mengambil semua langkah-langkah yang wajar dan sesuai supaya memastikan bahawa tumbuh-tumbuhan diingini ataupun noxious water plants, dengan izin, tidak menjadi satu ugutan kepada kesihatan penduduk-penduduk tempatan.

Menurut laporan-laporan yang tertentu, Tuan Yang di-Pertua, dua jenis pokok iaitu water hyacinth dan water lettuce, dengan izin, mungkin akan menjadi suatu hazard, dengan izin, serta menjadi suatu masalah kepada perkapalan dan perikanan. Janganlah kita lupakan bahawa water hyacinth ialah satu jenis tumbuhan yang tidak berfaedah yang

telah membunuh satu bahagian Sungai Nile di Egypt dan kejadian ini akan juga menggalakkan penyakit-penyakit tertentu, penyakit seperti "skistosomaicis".

Timbalan Yang di-Pertua: "sisto"

Tuan Sim Kwang Yang: Bahasa Latin susah dibaca, schistosomiasis yang akan berkembang dan menjadi satu kejadian yang tidak diingini.

Di samping itu juga adakah Projek Bakun menukarkan isi kandungan oxygen dan nutrient di dalam Sungai Rejang, satu sungai yang besar dan panjang agar beberapa jenis ikan akan menjadi extinct juga oleh kerana Projek Hidro Bakun ini merupakan satu projek yang besar yang memerlukan reservoir luasnya 695 square kilometers. Ecosystem berhampiran dengan Bakun dan Rejang Basin akan dipengaruhi dan data-data, maklumat-maklumat yang ada sekarang kurang mencukupi untuk menjaminkan kepada rakyat Sarawak dan Malaysia bahawa ecosystem ini tidak dihapuskan sama sekali oleh pelaksanaan projek itu. Dan yang demikian saya telah menyeru kepada Kerajaan beberapa kali bahawa kajian-kajian tertentu dijalankan untuk menjawab soalan-soalan yang saya sebutkan tadi, kajian seperti Fisheries and Aquatic Ecology, kajian seperti Terrestrial Ecology Survey, Natural Resource Survey dan River Basin Management Survey untuk disatukan sebagai satu Environment Impact Assessment, tetapi walaupun EIA ini telah disediakan langkah ini belum cukup.

Saya bersetuju dengan beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah membuat ucapan yang menyentuh kepada kepentingan untuk penyertaan awam apabila melaksanakan projek-projek yang ditetapkan dan saya bersetuju dengan rakan saya dari Kuala Lumpur-Bandar bahawa

environmentalist seperti EPSM ataupun Sahabat Alam ataupun FOMCA ataupun Consumers Association, Penang, wakil-wakil dari pertubuhan ini haruslah diambil dimasukkan ke dalam Majlis. Kualiti Alam Sekeliling itu supaya pandangan-pandangan daripada pakar-pakar itu boleh dikemukakan secara langsung kepada pihak Kerajaan dan pihak Kerajaan haruslah mengambil perhatian yang serius terhadap nasihat-nasihat mereka. Tetapi yang lebih penting lagi penduduk-penduduk tempatan yang tinggal dan bekerja berhampiran dengan kawasan industri-industri itu haruslah ditanya dan diambil kira apabila EIA ini telah disediakan. Contohnya, laporan EIA ini sepatutnya dapat dihantar kepada District Officer supaya sesiapa orang daripada community tempatan boleh pergi ke District Office itu dan memeriksa laporan itu oleh kerana mereka sendirinya akan terlibat di dalam projek itu. Mungkin mereka akan memeriksa daripada kesan-kesan pencemaran, mungkinlah mereka akan berpindah ke tempat lain supaya projek itu boleh dijalankan dan jadikan hak asasi mereka supaya pandangan mereka diambil kira, yang pertamanya.

Dengan ini saya ingin bangkitkan isu-isu yang saya tidak puas hati iaitu bahawa walaupun feasibility study, dengan izin, terhadap Projek Bakun telah disediakan dalam tahun 1983 walaupun demikian tetapi sehingga hari ini laporan EIA belum dikemukakan kepada orang ramai dan akibatnya orang ramai seperti ahli-ahli politik seperti kalangan-kalangan pertubuhan alam sekitar

Tuan Justine Anak Jinggut (Ulu Rajang): *(Bangun)*.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat minta jalan?

Tuan Sim Kwang Yang: Okay.

Tuan Justine Anak Jinggut: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan kerana apa yang kita bangkitkan pada hari ini bukanlah berkaitan dengan Hidro Bakun. Jadi, saya hendak bertanya kepada Speaker kerana ucapan pada hari ini adalah berkaitan dengan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling dan bukanlah berkaitan dengan Hidro Bakun.

Timbalan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat minta penjelasan tetapi apa Yang Berhormat bangkitkan ialah Peraturan Mesyuarat. Ada kaitannya, Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Tentulah ada kaitan oleh kerana isu memelihara alam sekitar menjadi satu isu yang besar di dalam pertimbangan "Bakun Project". Saya telah tahu juga Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang telah mencabar saya untuk membangkitkan isu ini di dalam Dewan ini, di dalam suratkhbar di Kuching. Sekarang saya menerima cabarannya dan bangkitkan isu ini, kenapa dia hendak cegah saya bangkitkan sekali lagi. Itu lojiknya salah, kekeliruan. Tuan Yang di-Pertua, tidak lama lagi. Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk sebentar. Supaya Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang berpuas hati, saya katakan ada kaitannya sebab projek itu disebutkan sebagai contoh Yang Berhormat dari Kuching menghuraikan tentang Environmental Impact Assessment. Jadi, persoalan beliau sama ada Environmental Impact Assessment telah pun dibuat dengan sempurna sebelum keputusan dibuat untuk projek tersebut dilaksanakan, itu sahaja. Sebab itu saya kata ada kaitannya.

Tuan Justine Anak Jinggut: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah terjadi ialah Projek Bakun itu hanya

dirancangkan oleh Kerajaan dan belum ditetapkan oleh Kerajaan Pusat. Jadi, masalah mengenai detil-detil yang akan diadakan oleh Kerajaan tidaklah patut disoalkan di sini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin lah bagi Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional semua detil-detil mestilah diterimanya tetapi sebagai seorang Wakil Rakyat dari Pembangkang tanggungjawab saya ialah untuk mengkaji semua detil-detil supaya kesan buruk tidak menjadi satu masalah dan mendatangkan kesan yang tidak berfaedah kepada orang ramai. Sebab itu saya ingin sekali lagi bangkitkan isu EIA ini daripada feasibility study atas Bakun supaya laporan EIA ini dikemukakan kepada orang ramai agar semua orang boleh mengambil bahagian dalam satu perbincangan yang luas oleh kerana kewangan awam akan dibelanjakan bagi projek ini. Alam sekitar di kawasan Bakun dan Ulu Rajang akan dipengaruhi juga dan dengan ini saya ingin sekali lagi memuji kepada pihak Kerajaan oleh kerana fasal ini telah dikemukakan di bawah Fasal 34 tetapi sebagai menggulung. Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bangkitkan Fasal 34A (8) mengenai hukuman kepada sesiapa yang bersalah, yang berbunyi seperti berikut:

“(8) Seseorang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya”

dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sesi yang lepas saya juga memberi pendapat saya bahawa Kementerian

Sains, Teknologi dan Alam Sekitar adalah serupa satu “crap without pincers” oleh kerana mereka tidak mempunyai kuasa dan sumber-sumber yang mencukupi untuk menguatkuasakan Fasal-fasal yang diliputi oleh undang-undang ini. Bagi contoh sahaja, jikalau satu industri yang memerlukan berjuta-juta ringgit, seperti R. J. Reynolds Aluminium Smelting Plant yang memerlukan satu billion ringgit bersalah undang-undang ini dan mereka akan didakwa di mahkamah, tetapi mereka akan didenda \$10,000 sahaja. Seperti petty cash kepada R. J., Reynolds itu. Apa gunanya? Dari segi pentadbiran Kerajaan, kalau saya tidak silap, biasanya Kerajaan mungkin ada satu perjanjian dengan industri yang besar-besaran ini mungkin Kerajaan kata, O.K-lah, sekarang pergi mahkamah, jangan takut, kena denda, kena dendalah. Membetulkan kesalahan ini sahaja. Tetapi kita tahu bagi industri yang besar-besaran, masalah pencemaran alam sekitar tidak dapat diawasi tanpa perbelanjaan yang terbesar yang membuat projek ini not feasible anymore. Saya boleh anggap kelemahan ataupun hukuman ini sebagai satu kelemahan dalam undang-undang ini dan mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menjawab soalan ini sebentar lagi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Parit Buntar.

5.43 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Suliman (Parit Buntar): Tuan Yang di-Pertua, saya akan bercakap sedikit sahaja kerana kawan-kawan yang lain telah pun menyentuh beberapa perkara dan saya tidak berhasrat untuk menyentuh apa-apa yang telah disentuh tadi.

Tuan Yang di-Pertua, tugas Jabatan Alam Sekitar ini setelah dilihat

daripada pindaan yang dikemukakan pada hari ini sangatlah luas dan besar dan kita semua maklum bahawa tugas jabatan ini meliputi seperti yang dinyatakan oleh tajuknya sendiri iaitu alam sekeliling di mana termasuklah udara, air dan juga tanah. Tetapi nampaknya pada hari ini pindaan-pindaan ini walaupun untuk memperkemas lagi jabatan ini dan untuk memberikan kuasa yang lebih lagi kepada jabatan ini, saya memberi sokongan yang kuat kepada pindaan-pindaan ini, cuma saya berharap di dalam keghairahan kita hendak meminda undang-undang ini, maka pihak Kerajaan hendaklah juga memberi perhatian kepada keupayaan jabatan itu sendiri.

Seperti yang kita ketahui sekarang ini, jabatan ini hanyalah berfungsi daripada ibu pejabat, kemudian kalau diturunkan kepada peringkat bawah pun hanya ditubuhkan di peringkat Wilayah sahaja, sedangkan dari segi beban tugas jabatan ini sangatlah luas dan besar. Apa sahaja aktiviti yang dijalankan oleh manusia di tanah air kita ini akan menyentuh jabatan ini. Maka saya berharap Kerajaan dapat memberi penekanan kepada menambahkan lagi keupayaan kepada jabatan ini dari segi peruntukan, sama ada dari segi kewangan ataupun tenaga pekerja kepada jabatan ini. Di samping itu kalau kita lihat Fasal 13 di mana satu perkara iaitu memasukkan satu seksyen baru iaitu Seksyen 34A mengenai menjalankan apa-apa aktiviti, saya ucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana telah dapat memasukkan sub-seksyen baru ini kerana kita telah lihat bahawa pada masa-masa yang lepas begitu banyak sekali, begitu ketara sekali kejadian-kejadian di mana alam sekeliling telah dicemari.

Kalau kita lihat dari segi pembangunan perindustrian dan perumahan, kita lihat mana-mana

sahaja perindustrian dijalankan dan perumahan-perumahan dibangunkan, terdapat banyak pencemaran-pencemaran udara, air dan tanah yang berlaku. Ini harus juga diberi perhatian oleh pihak jabatan yang berkenaan terutama dari segi kawasan-kawasan perindustrian dan perumahan yang melibatkan perubahan dari segi struktur tanah di satu kawasan itu sendiri sama ada dari segi landscaping dan juga dari segi perubahan bentuk muka bumi di satu kawasan, kerana kesan daripada pembangunan perumahan dan perindustrian.

Oleh sebab untuk menyenangkan perhubungan ataupun menyenangkan pembangunan satu-satu projek di satu-satu kawasan itu, maka pihak yang menjalankan projek itu akan menjalankan dengan sesuka hati, seperti kalau di kawasan bukit akan diruntuhkan bukit-bukit yang berkenaan. Kalau di kawasan yang lembah akan ditimbus dari tanah daripada bukit tanpa memperhitungkan akan berlaku perubahan di kawasan tersebut sama ada dari segi boleh menimbulkan kesan mudah banjir ataupun kesan-kesan alam sekeliling yang melibatkan penduduk-penduduk itu sendiri. Maka sebab itulah saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana mungkin ini juga akan menjadi sebagai satu cara mengkaji semula perkara-perkara ini dan memberi nasihat yang lebih baik lagi kepada pihak-pihak yang akan membangunkan kawasan-kawasan yang saya nyatakan tadi.

Satu lagi perkara ialah berkaitan dengan yang saya nyatakan awal-awal tadi iaitu keupayaan. Apabila dimasukkan atau ditambah lagi satu seksyen baru di Fasal 15 iaitu bertujuan untuk meminda Seksyen 45 (1) Akta Ibu, untuk memberi kuasa untuk mengkompaund kepada Pengarah-pengarah. Ini saya rasa ialah untuk meringankan bebas tugas Pengarah dan Timbalan-timbalan Ketua

Pengarah, tetapi saya berharap oleh kerana keadaan sekarang ini di mana pegawai-pegawai daripada Jabatan Alam Sekitar masih lagi belum mencukupi, maka patutlah pihak Kementerian menimbangkan untuk ditambahkan sedikit lagi iaitu boleh juga menurunkan ataupun memberi kuasa kepada mana-mana pegawai yang difikirkan patut oleh Yang Berhormat Menteri. Ini untuk menyenangkan jabatan yang berkenaan sama ada kita lagi sekarang ini satu daerah mungkin perkembangan yang begitu pesat sehinggakan pegawai-pegawai dari Jabatan Alam Sekitar tidak dapat mengesan kesalahan yang dilakukan. Dengan bantuan daripada Pegawai-pegawai Daerah misalnya ataupun pegawai-pegawai daripada Jabatan Parit dan Taliair dan sebagainya, jika ada tambahan kepada kuasa-kuasa yang diberikan itu, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menimbangkan bagi satu-satu kawasan yang tertentu, walaupun ada jabatan-jabatan di peringkat wilayah, tetapi mungkin memerlukan tambahan di peringkat-peringkat daerah agar kekesan undang-undang ataupun pindaan undang-undang yang dibuat pada masa sekarang ini dapat benar-benar dilaksanakan.

Kerana, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mempunyai undang-undang tetapi tidak dapat melaksanakan kuatkuasa undang-undang itu, maka undang-undang yang berkenaan tidak akan mendatang apa-apa makna.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap dengan adanya pindaan-pindaan yang dibentangkan kepada kita, pihak Jabatan Alam Sekitar mempunyai kuasa yang lebih baik lagi dan kita harap pegawai-pegawainya juga akan lebih bersemangat lagi untuk menjalankan kuasa. Saya juga berharaplah Yang Berhormat Menteri boleh menimbangkan juga saranan-saranan yang saya sebutkan

terutamanya mengenai Fasal bertujuan meminda Seksyen 45 (1). Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menjawab dan menggulung perbahasan.

5.51 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan serta menyokong Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan). Saya bercadang, Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi jawapan kepada hujah-hujah yang dibangkitkan berkenaan dengan Rang Undang-undang ini.

Mengenai Seksyen 34A yang baru yang dicadangkan, pihak Jabatan Alam Sekitar akan menggubal peraturan-peraturan yang berkaitan dengan kajian penilaian kesan-kesan alam sekitar (EIA studies) yang akan diberi pertimbangan oleh Majlis Kualiti Alam Sekeliling di mana wakil-wakil dari pihak swasta boleh memberi syor-syor atau cadangan-cadangan yang berkaitan dengan peraturan-peraturan yang dimaksudkan itu untuk menyediakan laporan penilaian kesan-kesan alam sekitar. Di mana perlu, kajian EIA itu akan mengambil kira implikasi sosio-ekonomi penduduk-penduduk yang terlibat. Mengenai cadangan-cadangan projek yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching seperti "aluminium smelting" dan Bakun, bila pindaan ini diluluskan, kajian itu memanglah dijalankan.

Di sini suka saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa pengalaman di Jerman Barat dan

Jepun berkaitan dengan aluminium smelting tidak akan diberi peluang untuk diulangi di negara kita, lebih-lebih lagi dengan adanya pindaan-pindaan ke atas Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bahawa kajian EIA tidak akan menjadi rintangan kepada pelabur-pelabur luar negeri. Kita mesti ambil perhatian bahawa kajian EIA ialah menjadi sebahagian daripada kajian kemungkinan, dengan izin, feasibility study.

Mengenai tambahan ahli-ahli perwakilan di

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Ahli Yang Berhormat bermaksudkan penambahan ahli dari 5 ke 8 itu atau yang lain?

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Ya, komposisi Majlis Kualiti Alam Sekeliling bilangan ahlinya hendaklah ditambah ke 16. Ini adalah semata-mata untuk memberi perwakilan semua kepentingan itu bukan sahaja menyeluruh bahkan juga bermakna. Dahulunya Majlis Kualiti Alam Sekeliling ini tidak ada perwakilan dari mana-mana pertubuhan orang ramai. Pindaan baru membuka keahlian Majlis Kualiti Alam Sekeliling kepada dua wakil dari mana-mana pertubuhan yang didapati akan memberi sumbangan yang bermakna. Pihak NGO, dengan izin, sendiri akan menamakan wakil-wakil mereka untuk pemilihan oleh saya. Pihak NGO sendiri memangnya mengetahui siapakah wakil-wakil yang sebenarnya layak dan sesuai untuk menyertai Majlis itu.

Mengenai denda, Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kerajaan bukanlah untuk semata-mata mengenakan denda kepada pesalah-pesalah di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling bahkan untuk menentukan bahawa

pesalah-pesalah itu tidak mengulangi kesalahan di bawah Akta tersebut, Dalam pada itu, adalah dicadangkan supaya pesalah-pesalah dikenakan denda tambahan bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas notis disampaikan kepada mereka untuk menghentikan perbuatan pencemaran. Denda seumpama itu adalah sebagai langkah mencegah atau, dengan izin, deterrent. Tambahan lagi, dalam peraturan-peraturan di bawah Akta Ibu, Ketua Pengarah mempunyai kuasa menutup operasi kilang-kilang yang menyebabkan pencemaran.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong membangkitkan teguran mengenai Pulau Redang. Pulau ini telah diwartakan sebagai satu kawasan yang dilindungi di bawah Akta Perikanan dan Kementerian Pertanian sedang giat memajukan dan melindungi kawasan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong membangkitkan pula sisa-sisa radioaktif. Perkataan "radioaktif" masih diletakkan di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling oleh kerana Ketua Pengarah Alam Sekitar adalah seorang ahli di dalam Lembaga Perlesenan Tenaga Nuklear dan beliau dikehendaki memberi pandangan dan ulasan terhadap soal pelupusan sisa-sisa radioaktif.

Mengenai cadangan dari Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu untuk memasukkan pandangan orang ramai dalam penilaian awal tapak kilang, pandangan orang ramai sedang dan akan terus diambilkira oleh pegawai-pegawai alam sekitar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu, segala penyiasatan ke atas apa-apa permohonan untuk mendirikan kilang adalah dijalankan dengan secepat mungkin dengan bilangan pegawai yang terhad. Proses penyiasatan

permohonan akan dapat dipercepatkan lagi apabila Jabatan Alam Sekitar di peringkat Wilayah dan Negeri diperkuatkan dari masa ke masa.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas untuk mengerapkan lagi Kempen Kebersihan, saya ingin memaklumkan bahawa Jabatan Alam Sekitar telah mempertingkatkan kempen seperti ini dan terus bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan.

Mengenai seksyen 51 iaitu pemotongan perenggan (*m*), (*n*) dan (*o*) di dalam seksyen 51 Akta Ibu, potongan seksyen 51 (*m*), (*n*) dan (*o*) tidak akan menjejaskan kawalan pencemaran minyak di laut oleh kerana satu pindaan yang sewajar kepada Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 telah pun dicadangkan di mana Pengarah Marin diberi kuasa untuk mengendalikan masalah pencemaran bersama-sama dengan Ketua Pengarah Alam Sekeliling.

Pemotongan seksyen 51(*m*), (*n*) dan (*o*) ini akan mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh saya seperti di Fasal 1 (2) Rang Undang-undang ini, dan tarikh itu akan ditetapkan selepas kelulusan pindaan pada Ordinan Perkapalan Saudagar. Dan juga pemotongan seksyen 51 (*r*) dan (*s*) ini tidaklah bermakna pengurangan kuasa Kementerian saya. Rujukan kepada premis-premis di seksyen 31 Akta Ibu termasuklah juga kilang pembersihan minyak dan lain-lain aktiviti di kilang-kilang itu dan oleh yang demikian, seksyen berasingan untuk kilang seumpama ini tidaklah perlu.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil perhatian ke atas soal alam sekeliling. Ia adalah sebagai penanda

bahawa sesuatu kesedaran untuk menentukan alam sekitar yang sempurna telah wujud dan ini adalah satu tanggungjawab yang mesti dipikul oleh setiap lapisan masyarakat Malaysia, sama ada mereka tokoh politik atau orang perseorangan. Ingin saya menyatakan bahawa semua teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mematuhi Peraturan Mesyuarat 12 (1) dan memandangkan telah selesai Aturan Urusan Mesyuarat hari ini, saya menangguhkan mesyuarat sekarang.

Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang esok, hari Selasa, 15hb Oktober, 1985.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.10 petang.